

Jilid 1
Bil. 3



Hari Khamis
9hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 225]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 264]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y. B. Tuan Adam bin Abdul Kadir [Ruangan 265]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat TUAN YANG DI-PERTUA, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RIFHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. B. M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Lunah dan Kemajuan Wilayah, DATO DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pertahanan. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' SHAHBAZ BIN ABDUL SAMAD, D.P.M., P.H.D. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN AHMAD BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ANI HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.A.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DATO' ZAINUDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.P.M.P., J.S.M., A.M.N., P.H.D., F.F. (Bentong).
- .. Menteri Bumi, DATO' LOH KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SEI HAI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI AHMAD KHAZANUZZAMAN KAYA INDERA SHAHRANDARI, S.S.A.S., S.M.P., S.S.S.S. (Seremban).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.P.M., D.P.H.D., S.S.I. (Muar).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN NASTAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Timbalan Yang di-Putuh, TUAN MOHAMMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Kangar).
- .. Timbalan Yang di-Putuh, TUAN D. P. SUNDARAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. HATUMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Anson).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BERNABI BIN HAJI ULS (Simanjan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' JAGMO ABU BAKAR BIN DATO' BANDAR ABANG HAJI MUSAHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.B. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LAMAT WAN (Sg. Siput).
- .. Timbalan Menteri Koperasi Tanah dan Kerajaan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN JAMAL (Muar).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.S. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN HAJI HAJI KARMAH BINTI OTHMAN, S.S.M., S.M.S., A.M.N., P.H.D. (Seri Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABAUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Tanjung).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Petah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FAZIZ, S.D.K., A.M.N. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMED, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEL KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DASUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN ABDOL MULOK *alias* MOLLEE (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.K., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

- Yang Berhormat TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ Tuan Hsing Yin Shean (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOO (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

| | |
|----------------|---|
| Yang Berhormat | TUAN MAIDOM BIN PANSAI <i>alias</i> PAUL BIN PANSAI (Kota Belud). |
| .. | TUAN METAH BIN ASANG <i>alias</i> MICHAEL ASANG (Jambongan). |
| .. | TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran). |
| .. | TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau). |
| .. | DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri). |
| .. | TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai). |
| .. | TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok). |
| .. | DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai). |
| .. | TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar). |
| .. | TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut). |
| .. | TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang). |
| .. | DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah). |
| .. | TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor). |
| .. | DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah). |
| .. | TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol). |
| .. | TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin). |
| .. | TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang). |
| .. | TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam). |
| .. | TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok). |
| .. | TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut). |
| .. | DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi). |
| .. | TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas). |
| .. | TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit). |
| .. | TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar). |
| .. | DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang). |
| .. | TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis). |
| .. | TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu). |
| .. | TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar). |
| .. | TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang). |
| .. | DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau). |
| .. | TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah). |

- Yang Berhormat DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu Siing Seng (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* Zainab binti Abu Bakar (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 9hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANDAFTAR PENGUNDI
PILIHANRAYA 1986

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah nama ramai pengundi-pengundi telah hilang daripada daftar-daftar atau senarai-senarai pemilih semasa pilihanraya tahun 1986 baru-baru ini sungguhpun mereka telah mengundi dalam pilihanraya-pilihanraya yang lalu dan tidak menukar alamat-alamat kediaman mereka. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi menghalang perbuatan menafikan hak mengundi ini dan juga mengadakan pendaftaran sepanjang tahun ke atas pengundi-pengundi yang layak untuk faedah pengundi-pengundi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, amatlah sukar bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk memastikan secara am kenapa terdapat nama-nama pengundi yang didaftar telah terkeluar daripada senarai daftar pemilih yang digunakan dalam Pilihanraya tahun 1986, melainkan nama mereka yang terlibat

itu dikemukakan kepada Suruhanjaya Pilihanraya.

Sebagaimana termaklum, tiap-tiap tahun selepas pendaftaran dilakukan Suruhanjaya akan mempamerkan senarai pemilih selama 14 hari untuk disemak oleh orang ramai. Tindakan ini adalah selaras dengan kehendak Peraturan Pendaftaran Pemilih 1971 dan maklumat mengenainya senantiasa diberikan dengan secukupnya melalui media massa dan penerangan awam. Di samping itu, masa yang cukup juga diberikan kepada orang ramai untuk membuat apa-apa bantahan dan tuntutan sekiranya nama mereka tidak disenaraikan dalam daftar pemilih yang berkenaan atau jika mereka hendak membantah terhadap pendaftaran nama-nama pengundi lain yang mereka fikir bertentangan dengan undang-undang yang berkuatkuasa.

Buat masa ini sistem pendaftaran dan penyemakan pemilih yang telah dijalankan selama ini akan diteruskan. Suruhanjaya Pilihanraya suka menasihatkan kepada pengundi-pengundi untuk senantiasa membuat semakan di atas pendaftaran mereka sebagai pengundi pada setiap masa pendaftaran semula dilakukan untuk memastikan supaya mereka tidak terdicir dalam daftar pemilih.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai proses yang baik untuk mendaftar pengundi-pengundi serta mempamerkan senarai pengundi-pengundi baru, tetapi publisiti kurang cukup untuk

menyelidikan pengundi-pengundi untuk mengenakan kaedah pendaftaran pengundi-pengundi itu. Soalan saya ialah apakah tindakan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memberi publisiti yang lebih luas untuk penyelidikan pengundi-pengundi. Bagaimanakah mereka boleh menggunakan perkhidmatan yang diberi itu?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh pendaftaran pengundi dijalankan iaitu selama 42 hari publisiti yang seluas-luasnya diberikan melalui media massa iaitu televisyen, radio dan juga akhbar-akhbar tempatan turut membantu untuk memberi publisiti yang luas bagi menggalakkan pengundi-pengundi untuk mendaftarkan diri masing-masing. Jadi pada pendapat saya, soal publisiti tidaklah timbul.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sama ada beliau sedar bahawa tempoh yang digunakan pada masa sekarang untuk mendaftarkan pemilih-pemilih iaitu tempoh 42 hari ini adalah tidak mencukupi. Untuk memastikan bahawa satu sistem yang lebih efficient dapat diadakan, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada pihak Kementerian ataupun Suruhanjaya Pilihanraya bercadang untuk mengadakan pendaftaran sepanjang tahun ke atas pengundi-pengundi yang layak sebagai satu cara yang lebih efficient.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang saya suka memberi maklumat mengenai proses yang terlibat dalam pendaftaran pengundi-pengundi. Kalau kita lihat prosidur pendaftaran pengundi sendiri mengambil masa 42 hari, iaitu tempoh yang maksima dan selepas itu diperlukan 3 bulan untuk memproses maklumat-maklumat yang diterima, dan lepas diproses maklumat-maklumat yang diterima

perlu pula disediakan senarai dan senarai ini dipamirkan selama 14 hari dan lepas itu perlu pula mengikut undang-undang tempoh diberikan bagi mendengar bantahan-bantahan dan tuntutan-tuntutan. Oleh hal yang demikian untuk menyiapkan satu daftar pengundi ataupun pemilih memakan masa yang begitu panjang. Sebab itulah saya menyatakan tadi pada masa ini Suruhanjaya Pilihanraya belum lagi bercadang untuk mengubah sistem yang kita amalkan sekarang ini, tetapi cadangan-cadangan untuk memperbaiki termasuklah mengadakan sistem pendaftaran terbuka adalah masih lagi dalam peringkat pertimbangan.

PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM

2. **Dr Abdul Hadi Derani** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapa proses penswastan Jabatan Telekom mengalami berbagai kesulitan sehingga ianya masih belum dapat dilaksanakan dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat proses penswastan Jabatan Telekom tidak mengalami sebarang kesulitan sungguhpun tarikh penyerahan kertas-kertas pilihan oleh kakitangan-kakitangan Jabatan Telekom telah ditangguhkan daripada 24hb Julai kepada 30hb September tahun ini. Penangguhan penyerahan kertas pilihan tersebut adalah dibuat oleh kerana pihak Kerajaan ingin memberi masa yang cukup kepada semua kakitangan untuk berfikir dan membuat keputusan sama ada ingin memasuki Syarikat Telekom Malaysia ataupun sebaliknya.

Setakat 30hb September ini hampir semua kakitangan-kakitangan Jabatan Telekom telah membuat pilihan mereka dan telah menyerahkan semua kertas-kertas pilihan mereka itu. Pihak STM sekarang ini sedang dalam proses membuat persiapan untuk mengambil alih sepenuhnya perkhidmatan telekomunikasi dari Jabatan Telekom pada tarikh yang telah ditetapkan iaitu 1hb Januari, 1987.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini kesatuan sekerja pekerja-pekerja di dalam Jabatan Telekom telah melakukan tunjuk perasaan ke atas tuntutan mereka tidak dapat ditemui oleh Kementerian—pihak Kerajaan. Soalan saya ialah apakah tuntutan itu dan apakah kemajuan telah dicapai dengan perundingan di antara pihak Kerajaan dan kesatuan sekerja itu.

Datuk Leo Moggie anak Iroke: Tuan Yang di-Pertua, tuntutan itu dari segi anggapan Kerajaan sudah dibuat keputusan. Yang sebenarnya, Kerajaan telah memberi dua pilihan kepada kakitangan Jabatan Telekom. Satu, pilihan ialah mereka boleh berkhidmat dalam Syarikat Telekom Malaysia mengikut syarat-syarat yang juga dikenakan bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan. Satu pilihan yang lain ialah mengikut syarat-syarat dan terma yang diasaskan oleh syarikat itu sendiri atau ditubuhkan oleh syarikat itu sendiri. Mungkin ada sebahagian kecil dari kakitangan-kakitangan Jabatan Telekom mengharapkan dapat kesan dari segi perkhidmatan apa yang diikuti dari Jabatan Kerajaan dengan juga keistimewaan yang mungkin diadakan dalam syarikat swasta sendiri.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa pelanggan-pelanggan telefon terpaksa membayar sehingga seribu ringgit sebulan, dan adakah

apabila Jabatan Telekom diswastakan dapat mengatasi masalah yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa itu terkeluar daripada soalan asal. Itu tidak boleh dibenarkan.

LATIHAN VOKASIONAL BAGI BELIA-BELIA

3. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau telah menyusun rancangan yang menyeluruh untuk memberi latihan vokasional, pertanian atau perniagaan kepada belia-belia luar bandar yang gagal dalam peperiksaan SPM dan SRP bagi mengelakan mereka dari berhijrah ke bandar-bandar dan jika ia, bilakah ia akan dimulakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melaksanakan berbagai program di bidang latihan vokasional, pertanian dan perniagaan melalui latihan berinstitusi dan non-institusi. Keutamaan latihan sememangnya diberikan kepada belia-belia yang gagal di dalam peperiksaan SPM dan SRP dari keluarga yang berpendapatan rendah dan kebanyakan mereka adalah dari luar bandar.

Selain daripada latihan berinstitusi yang dijalankan di Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pertak, Kuala Terengganu dan Institusi Belia Usahawan, Ipoh. Belia-belia juga diberi latihan tempatan melalui latihan sambil bekerja dan latihan-latihan tidak formal.

Selain dari itu, Kementerian saya sentiasa menggalakan belia-belia untuk bekerja sendiri dalam bidang pertanian dan perniagaan. Bagi tujuan ini 3 rancangan utama telah dilaksanakan iaitu Rancangan Belia Niaga, Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan Belia Peladang. Melalui rancangan-rancangan ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyediakan kemudahan latihan pertanian, pengurusan perniagaan, bantuan dan khidmat bimbingan dan perundingan. Kesimpulannya rancangan yang dilaksanakan itu adalah merupakan "pendekatan bersepadu".

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita dapati kawasan pertanian padi di Perlis dan Kedah banyak menggunakan buruh-buruh asing, terutamanya buruh-buruh dari Thailand, sementara belia-belia kita dalam kawasan tersebut banyak yang menganggur. Jadi, apakah perancangan Yang Berhormat untuk memberi galakan kepada belia-belia tempatan agar menumpukan minat kepada penanaman padi kerana upahnya adalah baik. Ini adalah tidak termasuk daripada Rancangan Belia Peladang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak menyebut secara khusus tetapi di kebanyakan negeri-negeri kita mengadakan kursus-kursus kepimpinan dan kesedaran kepada belia-belia yang memberi fokus utama kepada perkembangan ekonomi di dalam negara kita dengan harapan supaya mereka ini dapat memberi kerjasama yang lebih di dalam bidang-bidang yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH

4. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah tujuan Kementerian menubuh Koperasi Pembangunan Daerah; dan
- (b) sama ada Kementerian berkenaan ada rancangan hendak menubuh Koperasi Pembangunan Daerah di Sarawak.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Koperasi Pembangunan Daerah (ringkasnya Koperasi KPD) adalah bertujuan untuk melibatkan penduduk setempat dalam pembangunan kawasan mereka sendiri. Jika pada masa-masa yang lepas projek-projek pembangunan dijalankan secara kontrak maka menerusi KPD ini diharap sebahagian daripada projek-projek itu akan dilaksanakan secara gotong royong oleh penduduk di sekitar projek itu. Projek-projek yang mengambil masa yang lama untuk menyiapkan seperti pembinaan jalan kampung mereka yang terlibat dalam kerja gotong-royong itu dibayar elau kerana mereka terpaksa meninggalkan kerja harian mereka. Bagi belia-belia yang menganggur ini merupakan satu punca pendapatan. Dengan melaksanakan kerja-kerja gotong-royong ini, kita berharap dapat menanamkan persefahaman di kalangan semua kaum di samping menimbulkan perasaan lebih bertanggungjawab dan menghargai projek yang mereka jayakan bersama.

Bagi jawapan bahagian kedua, Tuan Yang di-Pertua, penubuhan KPD sememangnya digalakkan di Sarawak tetapi ini terpulanglah kepada dasar Kerajaan Negeri sendiri. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar menerusi Jabatan dan Agensi di bawahnya akan memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri. Adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji kemungkinan ini dengan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah Koperasi Pembangunan Daerah ini boleh berfungsi sepenuhnya bagi mempercepatkan proses pembangunan luar bandar.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi Kementerian saya bersedia memberikan segala bantuan yang perlu dan ini terpulanglah kepada pihak Kerajaan Negeri untuk follow-up, dengan izin.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pihak Kerajaan boleh memastikan sesuatu pengawasan yang baik kepada setiap Koperasi Pembangunan Daerah yang ditubuhkan supaya penyelewengan tidak berlaku sebagaimana yang pernah berlaku kepada koperasi-koperasi yang telah ditubuhkan di negara ini.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Koperasi Pembangunan Daerah hanya dimulakan pada tahun 1982 dan sehingga hari ini cuma ada 55 buah Koperasi Pembangunan Daerah. Dan mengikut rekod Kementerian saya belum ada penyelewengan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

ROMBONGAN PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan

Perindustrian menyatakan rombongan perdagangan ke luar negeri bagi meningkatkan hubungan perdagangan dan perniagaan secara dua hala, dan mengikut kajian setengah tahun pertama 1986 sejauh manakah kejayaan usaha ini khasnya dari segi pemasaran dan pelaburan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, penghantaran rombongan perdagangan ke luar negeri adalah merupakan salah satu aktiviti utama Kementerian saya dalam usaha menggalakkan eksport barang-barang buatan Malaysia di pasaran luar negeri. Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini Kementerian telah menghantar 2 rombongan seperti berikut:

- (i) Rombongan perdagangan menjual kasut ke Australia pada 9hb hingga 23hb Mac, 1986; dan
- (ii) Rombongan perdagangan menjual alat-alat perabot ke Australia juga pada 17hb hingga 25hb Mei, 1986.

Sebanyak 9 lagi rombongan perdagangan ke luar negeri telah dan sedang dirancangan dari bulan Julai hingga Disember tahun ini.

Kejayaan sesuatu rombongan itu bolehlah diukur antara lain dari segi nilai jualan secara langsung (on the spot), nilai jualan tertakluk kepada rundingan dan potensi jualan di masa akan datang.

Dalam hubungan ini kedua-dua rombongan di atas telah membuat jualan on the spot sebanyak \$3.5 juta dan jualan yang masih dalam perundingan sebanyak \$7.5 juta.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa banyak rombongan-rombongan perdagangan ada dihantar keluar negeri untuk menggalakkan perniagaan, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri yang berkenaan sejauh mana rombongan-rombongan perdagangan itu yang telah dihantar ke luar negeri pada masa yang lalu benar-benar mencapai hasil yang lumayan yang boleh dikatakan akan mendatangkan faedah untuk negara kita.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat rombongan-rombongan kita menghantar ke luar negeri ada dapat banyak kejayaan tetapi angka-angka itu saya sekarang tidak ada. Kalau Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang hendak more details, saya harap dia boleh beri satu notis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa rombongan-rombongan seperti rombongan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke negeri China yang mungkin yang terbesar pada akhir-akhir ini telah membuat kenyataan-kenyataan yang banyak mengenai A.P., mengenai kontrak-kontrak dengan negara China, apakah susulan ataupun ekoran daripada itu sekarang?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, rombongan ke China pada masa sekarang Kementerian belum tahu kita boleh jadi atau tidak.

SEKOLAH MENENGAH DI PULAU BUM-BUM, SEMPORNA— PEMBINAAN

6. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan mengenai pembinaan Sekolah Menengah di Pulau Bum-Bum Semporna, di mana menurut sumber-sumber yang boleh dipercayai bahawa kelulusan dan tender telah pun dikeluarkan dalam tahun 1985 untuk pembinaan sekolah tersebut. Sila memberitahu sebab-sebab terlambatnya projek ini dilaksanakan, dan apakah tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, pelawaan tender untuk membina Sekolah Menengah di Pulau Bum-Bum, Semporna telah ditutup pada 3hb Februari, 1986. Seterusnya penilaian tender telah dijalankan dan pada 22hb Ogos, 1986 Perbendaharaan Sabah telah menerima tender daripada Syarikat Pembangunan Gaya Timur Sdn. Bhd. Untuk menyegerakan pelaksanaan projek ini pada 11hb September, 1986 Pejabat Pelajaran Sabah telah mengeluarkan waran peruntukan kepada Jabatan Kerjaraya sebanyak \$1.2 juta.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN 80,000 UNIT

7. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan mengenai pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun yang bermula tahun ini, apakah pecahan bilangan rumah-rumah tersebut yang akan dibina oleh negeri-negeri bagi tahun 1986/1987.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan 18,000 unit rumah kos rendah setiap tahun selama 3 tahun yang bermula tahun ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 80,000 bukan 18,000.

Dato' S. Subramaniam: Pembinaan 80,000 unit, minta maaf. Pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun selama 3 tahun yang bermula tahun ini adalah merupakan satu program khas yang mempunyai tujuan utama untuk menambah kadar pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 2% setahun. Program ini dilaksanakan oleh sektor swasta sama ada di tanah yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau di tanah milik sendiri.

Sebanyak \$1,500 juta disediakan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan, manakala \$500 juta lagi disediakan oleh Bank Negara untuk membiayai program tersebut.

Bagi tahun 1986/1987 sebanyak 86,621 unit rumah kos rendah telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di bawah program khas ini. Pecahan unit mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <i>Negeri</i> | <i>Bilangan Unit</i> |
|------------------------|--------------------------|
| Perlis | 1,251 |
| Kedah | 9,640 |
| Pulau Pinang | 7,200 |
| Perak | 4,792 |
| Kelantan | 3,019 |
| Terengganu | 1,180 |
| Pahang | 3,756 |
| Wilayah Persekutuan .. | 13,165 |
| Selangor | 23,169 |
| Negeri Sembilan | 5,682 |
| Melaka | 3,836 |
| Johor | 7,531 |
| Sabah | 2,290 |
| Sarawak | 110 |

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah dasar, garis-garis panduan dan juga kriteria bagi penswastan rumah-rumah kos rendah di peringkat negeri kerana pada masa sekarang kedudukannya adalah tidak jelas kalau dibandingkan di antara negeri-negeri?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kita telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memberi projek-projek mengikut penswastan kepada pemaju-pemaju yang ingin mengambil bahagian. Memang benar bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri menggunakan kriteria yang berlainan

sedikit. Ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang cuma memberi peluang kepada pemaju-pemaju yang ingin melaksanakan program ini secara joint-venture. Ada juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang memanggil tender dan memilih pemaju-pemaju yang telah menyebut harga yang paling rendah dan yang setuju memberi sebahagian profit daripada program tersebut kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan beberapa projek yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan ada rumah yang telah siap dan tidak dapat didiami oleh penghuni-penghuni kerana projek bekalan air dan elektrik. Soalannya adakah perancangan yang akan dibuat sebanyak 86,000 lebih unit rumah pada tahun 1986/1987 ini diambil kira untuk sekali harung oleh projek bekalan air dan api?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat kurang jelas oleh kerana tidak ada rumah yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara yang tidak dibekalkan dengan air dan elektrik. Walau bagaimanapun saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bagi melaksanakan rancangan 80,000 unit rumah ini bagi setiap tahun Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun diminta untuk mengenalpastikan tanah-tanah yang berdekatan dengan kemudahan asas seperti air dan elektrik untuk menentukan bahawa skim-skim ini apabila dilaksanakan dibekalkan dengan air dan elektrik.

PENGAWASAN SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA

8. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pelajaran menyatakan cara-cara yang dapat melindungi kepentingan pelajar-pelajar yang mengambil kursus di institusi swasta yang berhenti tanpa

notis pemberitahuan, contohnya di Interactive Data Solution, sebuah Institusi Komputer.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, pengawasaan terhadap sekolah-sekolah swasta dilakukan melalui peruntukan undang-undang dalam Akta Pelajaran, 1961 iaitu secara mewajibkan pendaftarannya, serta pendaftaran ahli-ahli Lembaga Sekolah dan guru-guru di sekolah-sekolah tersebut.

Di samping itu, pengawasan juga dilakukan dari semasa ke semasa oleh pihak Pendaftar di Jabatan Pelajaran Negeri bagi tujuan untuk melindungi kepentingan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah berkenaan.

Mengenai Institut Komputer yang dinyatakan itu, sukalah saya memaklumkan bahawa institut itu ditubuhkan semata-mata untuk mengajar pelajaran komputer dan tidak diperlukan pendaftaran di bawah Akta Pelajaran, 1961.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa bilangan kakitangan penguatkuasaan untuk mengawasi sekolah-sekolah swasta ini tidak cukup? Kalau sedar, apakah tindakan yang telah diambil untuk membaiki keadaan sedemikian dan adakah contingency plan untuk menyelamatkan sekolah-sekolah swasta yang menghadapi kesusahan?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak akan bertanggungjawab untuk mengawasi institusi yang tidak perlu didaftarkan di bawah Akta Pelajaran, 1961. Kementerian Pelajaran akan bertanggungjawab menyediakan kakitangan yang secukupnya untuk mengawasi institusi-institusi dan sekolah-sekolah yang perlu dan sudah didaftarkan di bawah Akta itu.

PERTANYAAN JAWAB MULUT

9. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memerintah Menteri-menteri yang berkenaan yang tidak dapat memberi jawapan kepada pertanyaan mulut para ahli Parlimen pada hari bersidang itu kerana kesuntukan masa, memberitahu jawapannya secara bertulis pada hari keduanya. Jika tidak, berikanlah alasannya.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, keputusan supaya jawapan kepada sesuatu Pertanyaan Jawab Mulut dijadikan Jawapan Bertulis adalah tertakluk di bawah kuasa Yang di-Pertua sendiri mengikut Fasal 22(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sungguhpun demikian, pada lazimnya jawapan bagi Soal-soal Jawab Mulut yang tidak sempat dijawab dalam Dewan ini adalah diedarkan sebagai Jawapan Bertulis oleh Kementerian-kementerian berkenaan.

AKTA HASUTAN—KUATKUASA

10. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kerajaan berpuas hati bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang ini bagi mencegah dan mengawal perbuatan serta aktiviti yang boleh menimbulkan atau merangsangkan perasaan kemarahan dan kebencian di antara kaum yang boleh menjejaskan ketenteraman awam di kalangan rakyat. Jika tidak berpuas hati adakah Kerajaan berhasrat hendak mengetatkan lagi undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan dan sebagainya, dengan memperluaskan skop, menambahkan hukuman serta yang tidak kurang pentingnya, melaksanakan penguatkuasaannya, dengan lebih tegas dan gigih lagi.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpuas hati bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang ini adalah mencukupi bagi mengawasi apa-apa perbuatan dan aktiviti-aktiviti yang boleh menimbul dan meransangkan perasaan kemarahan dan kebencian di antara kaum di negara ini.

Oleh yang demikian, buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang meminda undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan.

BANJIR DI KAWASAN JALAN P. RAMLEE/PENGGKALAN KOTA

11. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) bilakah peruntukan sebanyak \$4 juta untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan Jalan P. Ramlee dan Pengkalan Kota diberi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri semasa Pilihanraya 1986 dahulu;
- (ii) cara kajian dan penyelesaian yang akan dijalankan; dan
- (iii) tarikh tetap kerja-kerja tersebut akan dimulakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengarahkan Jabatan Parit dan Taliair untuk menjalankan kajian untuk mengatasi masalah banjir di kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Cara kajian dan penyelidikan akan ditetapkan oleh Jabatan Parit dan Taliair. Tarikh permulaan kerja-kerja tersebut akan bergantung kepada penemuan ataupun "findings" yang didapati di dalam kajian yang akan dijalankan itu.

Memandangkan kepada kedudukan kewangan Kerajaan yang tidak begitu sihat, keperluan-keperluan itu akan diambilkira semasa membuat peruntukan dan pelaksanaan projek itu nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Menteri menjawab beliau kata bahawa "saya akan arah". Adakah "saya" ini bermaksud Yang Berhormat Menteri itu atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu soalan pertama.

Yang kedua, angka \$4 juta ini yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau datang ke kawasan Tanjong dalam masa Pilihanraya Umum lalu untuk kempen bagi pihak Barisan Nasional, satu janji yang terbuka, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini dan penduduk-penduduk di Tanjong bilakah wang \$4 juta ini akan dibelanjakan—tahun ini, tahun depan atau pada masa Election yang akan datang? (*Tepuk*).

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, bila saya katakan "saya", itu adalah Kerajaan Malaysia. (*Ketawa*)

Soalan yang kedua, pada 31hb Julai, 1986 apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa penyelidikan ini akan dibuat pada tahun hadapan.

PROJEK HYDRO BAKUN

12. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah yang konkrit dan menyeluruh (selain daripada mengeluarkan "pamphlet" mengenai dengan Bakun Hydro) yang diambil oleh Kerajaan supaya keterangan yang lebih memuaskan diberi oleh Kerajaan kepada rakyat mengenai dengan Hydro Bakun seperti mengadakan temuramah, seminar, forum dan lain-lain supaya dengan cara ini, pengaruh-pengaruh negatif akibat propaganda

parti DAP dan badan lain seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM), EPSM dapat diatasi dengan berkesan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengeluarkan buku mengenai projek Hydro Bakun, Kerajaan melalui Perbadanan Perbekalan Sarawak (SESCO) telah mengadakan beberapa dialog dengan penduduk-penduduk tempatan di Sarawak untuk memberikan penerangan yang seluas-luasnya mengenai projek berkenaan kepada mereka itu. Setakat ini penduduk-penduduk berkenaan yang nampaknya menyambut baik rancangan Kerajaan untuk melaksanakan projek Hydro Bakun, walaupun keputusan belum lagi diberi oleh Kerajaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberi bukti bahawa penduduk-penduduk tempatan menyambut baik pelaksanaan projek Hydro Bakun ini kerana tidak dapat apa-apa kajian menyeluruh untuk membuktikan sedemikian? Itu soalan pertama.

Soalan saya yang kedua ialah mengapakah sehingga sekarang tidak ada terdapat feasibility study mengenai pelaksanaan projek Hydro Bakun ini yang diberi untuk pemeriksaan awam kerana feasibility study ini dibuat dengan perbelanjaan wang awam sebanyak \$37 juta dan orang ramai berhak untuk mendapat tahu tentang kajian ini.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat-maklumat yang didapati di waktu beberapa sesi dialog diadakan memang jelas menunjukkan bahawa penduduk-penduduk tempatan menunggu-nunggu pelaksanaan projek ini bukan lagi setakat menerimanya.

Yang kedua, dari segi feasibility study ini memanglah menjadi amalan

Kerajaan oleh kerana hak ini hak Kerajaan sendiri, terpulanglah kepada Kerajaan untuk menentukan adakah feasibility study document itu perlu disiarkan kepada umum atau tidak dan apa yang menjadi polisi kita sekarang, kita tidak berbuat demikian.

POLISI PANDANG KE TIMUR

13. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula "Polisi Pandang ke Timur" sebab polisi ini telah mengakibatkan lebih banyaknya hutang-hutang kepada negara Jepun selepas kenaikan nilai Yen.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, objektif utama dasar Padang ke Timur ini ialah untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan negara di negeri ini serta mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif untuk meninggikan kemajuan negara. Objektif ini adalah berasaskan kepada nilai-nilai kerja yang positif yang diamalkan oleh orang-orang Timur khususnya Jepun dan Korea.

Perkara-perkara yang harus ditumpukan melalui dasar ini ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan di mana pekerja itu bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri, tekanan terhadap daya pengeluaran dan mutu yang tinggi, peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan perpisahan antara eksekutif dan pekerja, am sistem pengurusan yang menitik beratkan kejayaan jangka panjang.

Berasaskan kepada nilai-nilai tersebut orang-orang Jepun dan Korea telah dapat membangunkan negara mereka dengan jayanya. Bagi Malaysia sebagai sebuah negara yang

membangun, nilai-nilai dan etika kerja di atas perlu diamalkan kerana ianya dapat membantu menjayakan usaha-usaha pembangunan yang dijalankan. Oleh itu Kerajaan akan meneruskan dasar-dasar ini dan tidak berhasrat untuk mengkajinya semula.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa selain daripada nilai-nilai yang disebutkan tadi, kalau boleh diserapkan kepada Malaysia adalah satu langkah yang baik, akan tetapi ekoran daripada dasar ini seperti Sogasosha, 6 daripadanya, satu telah bankrap, dan berhutang lebih daripada \$50 juta dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengkaji semula dan mengumumkan mengapa Sogasosha seperti ini gagal dan yang keduanya, hutang kepada Jepun sekarang meningkat lebih daripada 265 billion yen, dan pada akhir ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mencadangkan bahawa hutang ini ditukar menjadi pelaburan dan adakah itu dasar sekarang dan tindakan sekarang untuk mengubah dan memperbaiki keadaan yang seburuk ini?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi Dasar Pandang Ke Timur ini adalah khusus bagi meningkatkan pengurusan dan meninggikan "commitment", dengan izin, terhadap mutu pekerjaan pekerja-pekerja kita. Soal hutang, soal perniagaan Sogasosha tidak timbul di dalam hal ini.

Tuan Lee Lam Thye: Suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan, sejauh mana Dasar Pandang Ke Timur ini telah menguntungkan negara Malaysia dari segi pemindahan teknologi dan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa nampaknya Dasar Pandang Ke Timur ini lebih menguntungkan negeri Jepun dari negara Malaysia.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di bawah program-program Dasar Pandang ke Timur ini ada 4 program yang penting iaitu:

- (i) latihan perindustrian dan teknikal;
- (ii) pengajian akademik dan teknikal;
- (iii) latihan pengurusan amali Pegawai Eksekutif;
- (iv) hubungan antara institusi-institusi latihan, penyelidikan operasi dan pusat-pusat pengajian tinggi.

Sehingga masa ini seramai 1,266 orang pelatih telah dihantar dalam 6 kumpulan untuk menjalani latihan di negeri Jepun dan seramai 161 orang pelatih telah dihantar dalam 5 kumpulan ke negeri Republik Korea. Di bawah pengajian akademik seramai 148 orang pelajar lepasan SPM telah dihantar ke Jepun dalam 3 kumpulan dan 33 orang lepasan Diploma telah dihantar ke Republik Korea. Dalam pengajian teknikal pula seramai 111 orang pelajar lepasan Politeknik tempatan telah dihantar ke Jepun. Itulah di antara program-program yang telah dijalankan di bawah program Dasar Pandang ke Timur ini.

PASARAN KERETA NASIONAL

14. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan apa sebab-sebab pasaran kereta nasional telah jatuh hingga satu peringkat di mana "viabiliti" kereta nasional telah dipersoalkan oleh semua rakyat:

- (a) bolehkah Menteri menjelaskan kepada Dewan ini apakah sebenar-benarnya kedudukan keuntungan projek kereta nasional kita setiap bulan dari mulanya hingga bulan Ogos, 1986; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang

berkuasa untuk menaiki pasaran kereta nasional kita pada masa akan datang.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan kedayamajuan (viability) kereta nasional, saya ingin menegaskan bahawa "viabiliti" satu-satu projek industri berat tidak boleh dikira dari segi bulan ke bulan ataupun satu atau dua tahun kerana ciri-ciri industri berat seperti kereta nasional ini, memerlukan tempoh "gestation" yang lama sekurang-kurangnya 10 hingga 15 tahun untuk mencapai kedayamajuannya. Oleh yang demikian, oleh kerana projek kereta nasional hanya baru memulakan operasinya adalah terlalu awal untuk membangkitkan soal keuntungan pada masa ini. Di atas sebab strategi perniagaan adalah tidak wajar bagi saya mengumumkan kedudukan untung rugi kereta nasional setakat ini kerana soal untung rugi sesuatu syarikat itu terutama sekali kedudukan bagi tiap-tiap bulan adalah menjadi satu rahsia syarikat.

Walau bagaimanapun, mengikut kajian kemungkinan projek ini yang asal, projek ini dijangka hanya akan mula mencatat keuntungan operasinya pada tahun 1987 berdasarkan paras pengeluaran yang dianjurkan dahulu. Disebabkan oleh kelembapan ekonomi sekarang, pasaran kereta tidak dapat menampung jadual pengeluaran kereta Proton Saga yang dirancang. Oleh yang demikian, keuntungan operasi mungkin akan hanya dihasilkan dalam tempoh yang lebih lama daripada itu bergantung kepada pemulihan ekonomi negara.

Mengenai soalan Yang Berhormat bahagian yang akhir, Kerajaan sedang menimbangkan langkah-langkah yang sesuai untuk menaikkan lagi pasaran kereta nasional. Pihak EON atau Edaran Nasional sebagai pengedar tunggal kereta nasional juga sentiasa mengambil langkah-langkah yang

perlu untuk meningkatkan penjualan kereta nasional. Ini termasuklah mempesatkan kempen-kempen jualan, promosi dan pengiklanan yang agresif serta berkesan. Di samping itu juga, PROTON sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pasaran di luar negeri.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, Proton Saga kereta kebangsaan (kereta nasional) dimiliki oleh anak Malaysia dan bukan oleh HICOM dan Kerajaan Malaysia sahaja dan mengapakah makluman seperti kos pengeluaran seunit Proton Saga ataupun angka-angka mengenai untung rugi menjadi rahsia.

Bagi kami satu hujah untuk menjustifykan kenapa angka-angka ini menjadi rahsia sahaja. Kalau angka-angka ini terus menjadi rahsia mungkin anak Malaysia tidak dapat cinta sebuah kereta yang jadi rahsia sahaja.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap syarikat yang berdaftar (KLSE) mempunyai cara-cara mereka sendiri dan tidaklah wajar bagi sesebuah syarikat yang sebesar begini untuk memberitahu orang umum berapa keuntungannya dan dari satu bulan ke satu bulan. Syarikat HICOM ini adalah kepunyaan Kerajaan Malaysia dan pada tiap-tiap tahun akan dibentangkan laporan tahunan di dalam Dewan yang Mulia ini, waktu itu Yang Berhormat dari Kuching bolehlah mengetahui butir-butir selanjutnya.

PELABURAN ASING—GALAKAN

15. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah di antara proses-proses "red-tape" yang akan dihapuskan oleh pihak Kerajaan untuk menggalakan pelaburan asing ke dalam ekonomi negara;

- (b) berapa lamakah dasar-dasar menggalakkan pelaburan ini akan diamalkan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengesyorkan negara kita tidak akan berada di dalam genggaman pelabur asing dan peristiwa pemberhentian kerja beramai-ramai dibuat semasa industri elektronik menghadapi kejatuhan dalam permintaan dunia dari berulang lagi.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Proses-proses "red-tape" yang akan dihapuskan oleh pihak Kerajaan ialah yang boleh menghalang atau melambatkan kemasukan dan kelulusan pelaburan asing di dalam projek-projek industri. Ini termasuklah prosedur-prosedur untuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan dari Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Adalah didapati bahawa masa yang diambil sekarang adalah agak panjang dan oleh itu tindakan sedang diambil untuk memendekkan masa yang diambil. Ini dibuat dengan mengurangkan borang-borang yang diperlukan dan meringkaskan prosedur untuk menimbang dan meluluskan sesuatu permohonan. Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah diberitahu supaya menyegerakan kelulusan untuk mendapatkan tapak kilang.
- (b) Dasar menggalakkan pelaburan ini akan diteruskan selagi ia-nya difikirkan perlu untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi. Ianya

akan dikaji dari masa ke semasa selaras dengan kehendak pembangunan negara.

- (c) Walaupun Kerajaan menggalakkan pelaburan asing, namun begitu ia akan dibuat tanpa menjejaskan kepentingan negara ataupun pelabur-pelabur tempatan. Misalnya dasar pelaburan asing, yang telah diumumkan baru-baru ini hanya dihadkan kepada industri-industri ataupun barang-barang yang tidak akan bersaing dengan barang-barang keluaran tempatan di pasaran dalam negeri. Ini adalah untuk menentukan supaya pengeluaran-pengeluaran tidak akan terjejaskan. Dasar baru ini berkuatkuasa mulai sekarang hingga Disember tahun 1990. Ini adalah untuk menentukan supaya kita tidak terikat kepada pelaburan asing dalam masa yang terlalu panjang. Selepas 1990 Kerajaan akan mengkaji semula dasar ini dan membuat apa-apa perubahan yang difikirkan perlu untuk kepentingan negara dan juga Dasar Ekonomi Baru.

Berhubung dengan pemberhentian kerja pula, ini adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan sama sekali oleh kerana kemelesetan ekonomi sekarang. Namun demikian, Kerajaan telah menggesa syarikat-syarikat supaya seboleh-bolehnya tidak memberhentikan pekerja-pekerja mereka jika keadaan tidak begitu mendesak. Peraturan-peraturan dan undang-undang tertentu telah juga diadakan tentang cara-cara dan bayaran-bayaran yang mesti dibuat oleh pihak majikan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja. Ini adalah

untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja kita.

Tuan Zubir bin Embong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah apabila proses-proses "red-tape" ini dihapuskan bagi hanya untuk menggalak pelabur asing ianya mungkin akan mewujudkan satu "double-standard", dengan izin, apabila perkara itu berkaitan dengan pelabur-pelabur tempatan?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur tempatan pun ada dapat perhatian Kementerian. Pelabur-pelabur tempatan boleh dapat satu benefit, iaitu mereka boleh membuat satu joint-venture dengan pelabur-pelabur asing. Bila masuk satu joint-venture itu pelabur-pelabur tempatan pun boleh dilaksana "to protection equity"nya lama-lama. Sekian.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat dua soalan.

Yang pertama ialah kita membuat perlonggaran syarat dan menggalak pelabur asing dalam dekat 80 di mana sewajarnya kita mengambil kesempatan daripada proses "industrial restructuring", dengan izin, negara-negara maju. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah kita hendak memastikan supaya kita mempelajari daripada pengalaman dekat 70 di mana modal asing datang ke negara kita sesungguhnya untuk eksport 100%, tetapi berbentuk pelaburan intra-firma antarabangsa, menggunakan input yang diimport dan nilai tambahan tempatan yang rendah dan pemindahan teknologi yang ringan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu nampaknya susah (*Ketawa*).

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Berilah soalan mudah-mudah sedikit, beri saya pun tahu juga (*Ketawa*).

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Mungkin saya tak pandai memudahkannya soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

Saya cuba pula soalan kedua, agak mudah untuk saya bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tinggalkan soalan pertama (*Ketawa*).

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini mengajak modal luar datang dalam konteks nasionalisme ekonomi yang lebih menonjol, terutama sekali negara-negara maju dan akhir nanti kalau kita masuk pusingan kedua akhir tahun 80an, seperti Yang Berhormat sebut tadi pada tahun 1990 kita akan mungkin dalam keadaan yang lebih bergantung dalam sektor tertentu ataupun industri tertentu antara Malaysia dengan dunia maju. Jadi, saya ingin bertanya di sini sejauh manakah langkah awal ini untuk menguatkan usaha supaya pengaliran modal di antara negara Selatan dengan Selatan itu dapat diperkuatkan semoga soal pergantungan akhirnya nanti dapat kita kurangkan dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah itu rasa saya (*Ketawa*).

Soalnya Yang Berhormat, soalan yang ditanya ini ialah berkenaan "red-tape". Pertanyaan-pertanyaan yang dikeluarkan itu perkara lain—South-South pula.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tak usah jawablah, saya rasa (*Ketawa*). Saya ingat perkara ini sudah cukuplah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya bertanya bahagian (c), Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada (c) lagi? Tak usahlah, cukuplah (*Ketawa*).

PASARAN WANG RINGGIT/ SISTEM KEWANGAN— MEMPERBAIKI

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga bulan Oktober 1986:

(a) jumlah pinjaman lapuk yang dihutang oleh—

(i) individu-individu;

(ii) syarikat-syarikat swasta;

(iii) perbadanan atau syarikat Kerajaan (di peringkat negeri dan negara)

kepada institusi-institusi kewangan dalam negara;

(b) keadaan akaun semasa dalam tempoh masa ini di mana jumlah pinjaman jauh melebihi jumlah simpanan;

(c) langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki pasaran wang ringgit dan sistem kewangan dalam negara; dan

(d) bagaimanakah pihak Kerajaan bercadang untuk menstabilkan Bursa Saham Kuala Lumpur serta institusi-institusi kewangan dengan berkesannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pada masa ini Bank Negara masih lagi dalam proses meluluskan akaun-akaun bagi tahun 1985. Oleh yang

demikian, butir-butir mengenai pinjaman lapuk seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu masih belum ada lagi.

(b) Kesemua bank-bank perdagangan adalah dibenarkan untuk mengadakan akaun penjelasan dengan Bank Negara dan bank-bank tidak dibenarkan untuk mengeluarkan lebih dari akaun penjelasan itu. Oleh itu, akaun-akaun penjelasan bank itu adalah sentiasa diuruskan dengan memuaskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah pinjaman kepada deposit industri bank seperti mana pada 22hb September tahun ini adalah 99.2 peratus.

(c) Langkah-langkah untuk memperbaiki pasaran wang ringgit dan sistem kewangan dalam negara adalah seperti berikut:

(i) Menyalurkan kumpulan-wang melalui urusan mudahtunai yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia bertujuan memastikan cukupnya mudahtunai dalam sistem kewangan supaya kegiatan pemberian pinjaman untuk sektor yang produktif tidak terhalang dan juga untuk mewujudkan tahap kadar faedah yang sesuai dalam pasaran.

(ii) Menurunkan nisbah keperluan cadangan berkanun dan keperluan mudahtunai bank-bank perdagangan untuk menyediakan lebih mudahtunai dan untuk mengurangkan kos kumpulanwang bagi menyekat kenaikan

faedah bagi pemberian pinjaman.

- (iii) Menyediakan kos bagi pelaburan-pelaburan produktif terutamanya di dalam bidang yang akan menyumbang ke arah pertumbuhan dalam eksport seperti melalui Skim Pembiayaan Semula ataupun Kumpulan Wang Pelaburan Baru, dengan izin, New Investment Fund (NIF). Langkah ini juga menyumbang ke arah mengurangkan kos kumpulanwang yang seterusnya dapat membantu menyekat kenaikan faedah dalam pemberian pinjaman.
- (iv) Berusaha ke arah perkembangan sistem kewangan seperti melalui penubuhan Pasaran Gadaian Kedua. Instrument-instrument kewangan dan institusi-institusi kewangan baru juga akan diperkenalkan.
- (v) Dalam bidang pengawalan dan pengawasan sistem kewangan, perundingan bank telah dipinda untuk memastikan kewujudan sistem kewangan yang kukuh.
- (vi) Bagi membendung kegiatan menerima simpanan secara haram yang berleluasan pada masa kini, yang secara tidak langsung telah menggugat keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan pada amnya, Kerajaan telah memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia di bawah Perundangan Darurat 1986 untuk

bertindak terhadap mana-mana penerima simpanan yang haram di sisi undang-undang supaya keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara dapat dipulihkan dan dikekalkan.

- (d) Mengenai kestabilan Bursa Saham Kuala Lumpur, Kerajaan akan meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang mana telah dibentangkan bacaan kali pertama semalam dengan tujuan untuk memperketatkan lagi peruntukan-peruntukan tertentu berkaitan dengan peraturan perniagaan sekuriti. Bagi institusi-institusi kewangan pula, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa institusi-institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara adalah kukuh dan stabil. Operasi mereka adalah dikawal rapi oleh Bank Negara untuk memastikan mereka menjalankan urusan dengan betul dan selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).

INDUSTRI PELANCONGAN— GALAKAN

17. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jika ada satu kajian terperinci yang telah dilakukan oleh Jabatan Pelancongan selepas Persidangan PATA 1986 untuk mengetahui sebab apa hasil negara kita

daripada Persidangan tersebut tidak begitu menggalakkan:

- (a) jika ada bolehkah Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan kepada Dewan ini sebab-sebab; dan
- (b) apakah tindakan sewajarnya yang akan diambil oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dan seterusnya menggalakan industri pelancongan dalam negara kita.

Dato Kok Wee Kiat: Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Persidangan Tahunan PATA, PATA Travel Mart serta PATA Trade Show yang telah berlangsung dengan jayanya di Malaysia pada bulan April 1986 telah pun mulai menunjukkan kesan-kesan positif terhadap industri pelancongan negara. Kesan baik ini adalah dijangka akan berterusan dan meningkat lagi di tahun-tahun akan datang. Sebelum berlangsungnya Persidangan Tahunan PATA dan PATA Travel Mart tersebut masyarakat pelancongan antarabangsa telah pun diberikan maklumat yang secukupnya mengenai pemilihan Malaysia sebagai negara tuan rumah Persidangan PATA dan PATA Travel Mart bagi tahun 1986. Kesedaran dan publisiti ini adalah amat penting kepada industri pelancongan negara.

Penganjuran Persidangan PATA dan PATA Travel Mart di Malaysia telah memberi peluang kepada mereka yang bertanggungjawab bagi menggalakkan pelancongan di peringkat antarabangsa untuk melihat dan menilai sendiri segala kemudahan dan perkhidmatan pelancongan yang terdapat di negara ini dan cara yang lebih dekat, bermakna serta membanggakan. Segala program dan aktiviti yang diatur untuk delegasi Persidangan telah dijalankan dengan teliti dan teratur sehingga ramai daripada delegasi telah kagum dengan

pembangunan dan kemajuan Malaysia, keindahan tarikan-tarikan pelancongannya, termasuk kemudahan hotel-hotel dan tempat-tempat peranginan serta keupayaan Malaysia dalam menganjurkan Persidangan itu dengan cekap, profesional dan penuh kemesraan. Kesemuanya ini telah menghasilkan kesan yang amat positif ke arah peningkatan imej negara bukan sahaja sebagai sebuah destinasi pelancongan bahkan juga sebagai satu pusat pelaburan yang terbaik di rantau ini.

Bersempena dengan Persidangan PATA 1986, Malaysia juga telah mendapat publisiti yang meluas terutamanya di pasaran-pasaran pelancongan antarabangsa hasil dari tulisan 179 orang pemberita dan penulis pengembaraan yang turut menjadi anggota delegasi Persidangan PATA.

Banyak rencana yang menarik, berita-berita serta liputan televisyen telah dapat dihasilkan, yang mana sangat berguna dalam usaha memperkenalkan negara terutama dari segi pembangunan industri pelancongan. Malah, di masa sekarang pun terdapat satu kumpulan perfileman dari British Broadcasting Corporation (BBC) yang sedang menjalankan penggambaran, dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia untuk memperkenalkan daya-daya tarikan negara di pasaran United Kingdom.

Dengan lain-lain perkataan, Persidangan PATA 1986 yang dianjurkan oleh Kerajaan telah mencapai kejayaan bukan sahaja dari segi penganjuran Persidangan tersebut bahkan juga sebagai asas yang sangat berguna kepada sektor swasta seperti hotel-hotel, agensi pelancongan, syarikat penerbangan dan sebagainya untuk meneruskan usaha-usaha perniagaan mereka bagi menarik lebih ramai pelancong ke negara ini. Ini

bermakna. Kerajaan, melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah berjaya menyediakan asas yang sebaik-baiknya untuk sektor swasta meneruskan usaha susulan mereka ke arah meningkatkan bidang perniagaan masing-masing.

Selepas Persidangan PATA 1986, Kerajaan telah dan akan terus melipatgandakan usaha-usaha penggalakan dengan lebih agresif menerusi penganjuran misi jualan pelancongan, program penggalakan khas dan lawatan suaikenal untuk penulis-penulis pengembaraan dari luar negeri bagi membolehkan mereka itu menilai dan menghasilkan publisiti yang baik mengenai negara ini, serta liputan filem dan televisyen di pasaran-pasaran yang terpilih.

Berasaskan kepada sumber dan kemampuannya yang terhad, Kerajaan telah dan akan berterusan menjalankan usaha-usaha gigih untuk meningkatkan lagi industri pelancongan negara. Saya penuh percaya sektor swasta akan merebut peluang ini dengan mengambil tindakan-tindakan susulan bagi kemajuan perniagaan masing-masing.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA—JAWAPAN

18. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima pada 8hb September, 1986, dalam kertas Bahasa Malaysia, soalan Nombor 19 memerlukan satu jawapan, daripada kanak-kanak yang berumur lebih kurang sebelas tahun, yang menyatakan "seorang penderhaka ialah seorang yang menentang KERAJAAN", walaupun konteks puisi berkenaan dengan jelas menyatakan jawapan sepatutnya ialah "NEGARA" dan bukan "KERAJAAN"; jika sedar, mengapa

soalan ini diizinkan; jika tidak sedar, apakah tindakan beliau akan mengambil sekarang.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan tersebut digunakan semata-mata untuk menguji pemahaman dan penguasaan bahasa murid-murid. Dari segi bahasa erti penderhaka ialah orang yang menentang ibu bapa, Tuhan dan pihak berkuasa yang sah termasuk Kerajaan dan negara.

PELABURAN WANG KWSP

19. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelaburan wang KWSP yang telah dibuat sehingga 30hb September, 1986 dengan menyatakan syarikat-syarikat besar yang menjadi rakan perkongsian KWSP itu dan siapakah pemilik tiap-tiap syarikat berkenaan; dan
- (b) mengapakah berlaku kehebohan mengenai penyelewangan penggunaan wang KWSP dan siapakah yang menghebutkannya.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan September 1986, jumlah pelaburan KWSP ialah sebanyak \$26,688 juta. Kegiatan-kegiatan pelaburan KWSP adalah dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 4 (2) Akta KWSP 1951. Mengikut peruntukan tersebut, KWSP adalah dikehendaki melabur sekurang-kurangnya 70% daripada wang pelaburannya dalam Surat-surat Jaminan Kerajaan dan bakinya boleh dilabur dalam berbagai-bagai jenis pelaburan lain seperti pinjaman debentur, simpanan

tetap, "Negotiable Certificates of Deposits"; "Money Market Instruments" dan ekuiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan pelaburan KWSP adalah seperti berikut:

| | \$ Juta | % |
|---------------------------------|---------------|------------|
| Surat Jaminan Kerajaan | 22,165 | 83.05 |
| Pinjaman Debentur | 1,647 | 6.17 |
| Pengurus-pengurus Potfolio | 256 | 0.96 |
| Ekuiti | 612 | 2.29 |
| Simpanan Tetap/ Pasaran Wang | 2,008 | 7.53 |
| | <u>26,688</u> | <u>100</u> |

Berhubung dengan syarikat-syarikat besar yang menjadi rakan perkongsian KWSP, saya rasa apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah syarikat-syarikat di mana KWSP mempunyai penyertaan ekuiti. Sekiranya ini yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat antara syarikat-syarikat awam di mana KWSP mempunyai ekuiti adalah seperti berikut:

| Syarikat | Bilangan Saham Yang Dipegang | % Modal Dibayar |
|-----------------------------|------------------------------|-----------------|
| MBSB | 30,970,927 | 30.86 |
| Cycle & Carriage Ltd. . . | 16,245,770 | 12.99 |
| Batu Kawan Bhd. | 13,828,300 | 30.88 |
| United Plantation | 8,333,333 | 7.99 |
| Landmarks Holdings Bhd. | 7,000,000 | 6.06 |

Oleh kerana syarikat-syarikat ini merupakan syarikat-syarikat awam yang mempunyai bilangan pemilik yang besar, adalah sukar untuk saya menyenaraikan di sini tiap-tiap syarikat berkenaan.

(b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada berlaku penyelewengan penggunaan

wang KWSP. Kececuan tentang pelaburan KWSP yang telah berlaku baru-baru ini sengaja ditimbulkan oleh pihak Pembangkang untuk memancing undi sebelum pilihanraya umum. Perkara ini mungkin juga disebabkan oleh kakitangan KWSP yang tidak bertanggungjawab, yang telah membocorkan maklumat kepada pihak-pihak tertentu.

PANEL—PELABURAN KWSP

20. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Panel Pelaburan KWSP membeli dan menjual 70 peratus daripada pelaburan-pelaburannya dalam 13 kaunter saham iaitu Keck Seng (M) Bhd., Kumpulan Emas, Sit Tatt Bhd, Muda Holdings; Kian Joo Can Factory Bhd., Dayapi Industries (M); Pileon Engineering Bhd., Metroplex; British-American Insurance dan Hong Kong Tin Corporation dari Jun 1984 hingga Mac 1985 kepada MAKUWASA, sebuah syarikat dengan modal berbayar sebanyak \$2 dan dengan demikian melepaskan peluang memperolehi keuntungan sebanyak \$9.9 juta oleh 5 juta pencarum-pencarum KWSP sekiranya penjualan saham-saham tersebut dibuat mengikut harga pasaran; nyatakan identiti MAKUWASA dan sama ada benar Penal Pelaburan KWSP telah bertindak secara haram dalam 13 urusan tersebut tanpa kebenaran atau kelulusan Lembaga KWSP.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penjelasan-penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah dibuat beberapa kali oleh pihak Kerajaan iaitu melalui kenyataan-kenyataan akhbar.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil peluang untuk

menerangkan di sini bahawa saham-saham yang dipindahkan oleh KWSP kepada MAKUWASA Securities Sdn. Bhd. (MAKUWASA) adalah merupakan satu rancangan khas yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

MAKUWASA, sebuah syarikat milikan 100% Kerajaan telah diberi taraf "approved institution" oleh Jawatankuasa Terbitan Saham dan oleh yang demikian boleh memperolehi peruntukan-peruntukan saham syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur pada harga-harga yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Terbitan Saham.

Faedah yang diperolehi oleh KWSP daripada rancangan khas ini ialah, pada hakikatnya, KWSP dapat mengekalkan 30% daripada saham-saham yang diperuntukkan kepada MAKUWASA pada harga terbitan, yang mana ianya merupakan satu faedah yang tidak dapat dinikmati oleh KWSP sekiranya rancangan ini tidak dijalankan. Setakat 8 Oktober 1986, keuntungan (realised gain) yang didapati oleh KWSP daripada saham-saham tersebut ialah \$1,749,824. Di samping itu, KWSP juga menerima bayaran faedah sebanyak 10% setahun atas pembiayaan jangka pendek yang diberikannya kepada MAKUWASA, yang mana kadar ini adalah setanding atau lebih tinggi daripada kadar faedah atas simpanan tetap yang dibayar oleh bank-bank perdagangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan bahawa Penal Pelaburan KWSP telah bertindak secara haram dalam perkara ini adalah tidak benar sama sekali. Menurut Akta KWSP, Panel Pelaburan dan Lembaga KWSP merupakan dua badan yang ditubuhkan di bawah peruntukan-peruntukan tertentu, dan masing-masing mempunyai hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab yang khusus. Panel Pelaburan KWSP

merupakan "Operational arm" Lembaga KWSP yang bertanggungjawab secara langsung terhadap kegiatan-kegiatan dan pengurusan pelaburan KWSP, manakala Lembaga KWSP bertanggungjawab mengawasi kegiatan-kegiatan Panel Pelaburan secara amnya. Dalam hubungan ini, segala keputusan-keputusan Panel Pelaburan dikemukakan untuk perhatian dan makluman Lembaga KWSP.

AKTA PELAJARAN 1961—KAJIAN

21. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk meminda fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 berikutan keputusan untuk meminda Akta tersebut baru-baru ini dalam sidang mesyuarat Dewan Rakyat sekarang. Jika tidak, mengapa kerajaan mengambil masa begitu lama untuk meminda Akta tersebut.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran akan mengkaji perkara ini dengan lebih terperinci dengan tujuan untuk memperkukuhkan lagi Akta tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LETRIK SABAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh. “(8hb Oktober, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sila sambung.

3.36 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sedang kata bahawa mungkin kita mempunyai perbezaan pandangan politik yang besar, tetapi perasaan cinta dan komitmen kita terhadap Malaysia haruslah menjadi perikatan tunggal yang menyatupadukan rakyat Malaysia dari semua keturunan dalam usaha kita untuk mencari penyelesaian baru terhadap krisis keyakinan yang melanda Kerajaan dan rakyat Malaysia.

Kita mesti mengakui hakikat bahawa sebarang tindakan untuk menolak suara 45% rakyat Malaysia yang tidak memilih Barisan Nasional termasuk 30% pengundi luar bandar adalah tindakan yang tidak berdemokratik dan tidak sihat sama sekali.

Dewan Negara seharusnya direformasikan semula untuk membenarkan proportionate representation yang tertentu berdasarkan jumlah undi yang diterima oleh parti-parti politik supaya Dewan Negara dapat menjadi sebuah Dewan Perundangan yang lebih bermakna.

Kerajaan juga hendaklah bersedia berkongsi proses membuat keputusan bukan dengan parti-parti Pembangkang sahaja, tetapi juga dengan rakyat Malaysia melalui pertubuhan-pertubuhan kepentingan umum dan bukan memerintah dengan cara berkuku besi di mana Dewan Rakyat ini cuma menjadi tempat akhir untuk rubber-stamp keputusan-keputusan Kerajaan.

Akhirnya, saya harap mengenai perkara ini, reformasi-reformasi utama boleh diadakan di Dewan Rakyat supaya Ahli-ahli Parlimen dapat memainkan peranan mereka yang sewajarnya dalam proses politik dan pembangunan negara.

Selepas dilantik sebagai Speaker pada hari Isnin lalu, Tuan Yang di-Pertua telah mencadangkan bahawa satu formula hendak dirumus dan dimasukkan ke dalam Peraturan Majlis Mesyuarat supaya membolehkan ahli-ahli mengambil bahagian dalam prosiding secara aman dan teratur.

Kita mesti mencari formula seumpama ini, yang tidak berdasarkan kepada rangka masa persidangan yang ada sekarang tetapi dengan memanjangkan rangkamasanya persidangan untuk dua atau tiga kali lagi setiap tahun. Bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat sudah ditambah sebanyak tiga kali, dari 104 kerusi

kepada 144 pada tahun 1963, kepada 154 pada tahun 1974 dan sekarang 177 kerusi, tetapi masa untuk urusan Parlimen tidak ditambah sama sekali.

Jangan sekali-kali kita dipandang sebagai Ahli-ahli Parlimen yang paling malas sekali di dunia yang tidak bersedia bekerja lebih kuat lagi dengan menambahkan masa persidangan supaya kita dapat menempuh masalah-masalah rakyat dan negara yang kian bertambah atau kita akan menjadi Ahli-ahli Parlimen yang memakan perbelanjaan yang tinggi dan membuat kerja yang paling sedikit, dengan izin, high cost and low productivity dalam dunia berparlimen.

Masalah kita bersedia untuk membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa kepakaran Parlimen supaya Ahli-ahli Parlimen dapat mengambil bahagian dalam berbagai peringkat dalam penggubahan dasar-dasar supaya Ahli-ahli Parlimen Malaysia akan menjadi Wakil-wakil Rakyat yang mengetahui, rajin dan termaklum yang dapat dibanggakan oleh negara kita.

Semasa kempen Pilihanraya Umum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa Ahli-ahli Dewan Negara tidak begitu berguna kerana Kerajaan tidak mendengar sangat apa-apa yang mereka katakan. Yang Amat Berhormat berucap sedemikian apabila ia cuba menggartakkan pengundi-pengundi kawasan Tanjung supaya memilih Dr Koh Tsu Koon untuk memastikan kekalahan atau "Waterloo" saya.

Beberapa orang Menteri Kabinet termasuk Yang Amat Berhormat sendiri telah bercakap tentang kemungkinan retrenchment kakitangan perkhidmatan awam. Sebelum kakitangan perkhidmatan awam diretrenchkan, Ahli-ahli Dewan Negara patut diretrenchkan terlebih dahulu (*Tepuk*) dan Dewan Negara juga patut dibubarkan sama sekali

kecuali dibentuk semula untuk menjadikan majlis perundangan kedua yang bermakna yang mewakili semua lapisan masyarakat Malaysia.

Sejak ia ditubuhkan selepas kemerdekaan hingga hari ini, Dewan Negara hanya merupakan simbol mentaliti "Gajah Putih" yang cuma membazirkan wang rakyat kerana Yang Amat Berhormat sendiri telah mengakui tidak guna. Amalan menjadikan Dewan Negara tempat untuk menampung pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang gagal atau ditolak dalam pilihanraya umum mesti dihentikan dengan segera. Sebagai misalannya, pemimpin pelarian (fugitive) MCA, Datuk Mak Hon Kam, tiba-tiba muncul di Upacara Perasmian Parlimen baru-baru ini sebagai seorang Senator. Sementara itu di Pulau Pinang, Pengerusi Parti Gerakan Pulau Pinang, Tan Ghim Hua yang ditolak oleh pengundi-pengundi dalam Pilihanraya umum baru-baru ini kini juga cuba dengan sedaya-upaya untuk dilantik sebagai seorang Senator juga.

Salah satu cara untuk membentuk semula Dewan Negara ialah dengan memperuntukkan 20 dari 40 kerusi Persekutuan untuk dibahagikan kepada parti-parti politik berdasarkan kepada jumlah undi popular yang mereka memperoleh dalam pilihanraya umum ataupun memperuntukkan bahawa sebuah kerusi Senator bagi dikhaskan bagi setiap 5% undi popular yang diperolehi oleh mana-mana parti dalam pilihanraya umum.

Perkara 44 (b) memperuntukkan bahawa dua Senator yang kini mewakili setiap negeri boleh dipilih melalui pemilihan secara langsung oleh pengundi-pengundi negeri tersebut dan parti DAP berpendapat bahawa sudah sampai masanya untuk menguatkuasa dan melaksanakan sistem ini untuk memilih Senator-senator Negeri supaya mereka yang

terpilih akan bertanggungjawab secara langsung kepada pengundi-pengundi dan bukan bergantung kepada penaungan parti pemerintah.

DAP menyeru supaya diadakan pungutan suara bagi penduduk-penduduk Pulau Labuan supaya mereka dapat memutuskan sama ada mereka mahu Labuan terus kekal sebagai Wilayah Persekutuan ataupun dikembalikan kepada negeri Sabah. Seperti dikatakan oleh Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman, tiada sesiapa pun yang mencadang supaya Labuan meninggalkan Malaysia dan tidak sesiapa pun yang harus berhisteria atau melatah terhadap cadangan tersebut.

Sebenarnya, cadangan untuk mengadakan pungutan suara bagi penduduk-penduduk Pulau Labuan ialah untuk mententeramkan keadaan politik di Sabah dan Malaysia kerana pemindahan Labuan dari negeri Sabah dan kemudiannya dijadikan Wilayah Persekutuan telah dibuat dengan cara yang sungguh tidak berdemokratik dan secara sewenang-wenangnya dengan tidak menghiraukan langsung hak-hak dan sensitiviti-sensitiviti sah penduduk-penduduk Labuan dan negeri Sabah.

Bekas Ketua Menteri Sabah, Harris Salleh, baru-baru ini telah mencuba untuk mengarang semula babak-babak sejarah dengan menuntut bahawa pemberian Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan telah dilakukan dengan cara yang demokratik dan selepas dirunding dengan penduduk-penduduk Sabah dan Labuan.

Sebenarnya satu penyiasatan yang rapi hendaklah diadakan tentang bagaimana Labuan boleh dipisahkan dari Sabah dan dihadiahkan kepada Kerajaan Persekutuan berdasarkan kepada hawa nafsu seorang sahaja iaitu Harris Salleh dan ini adalah sebab utama mengapa beliau, dengan izin, di "booted out" daripada kuasa dalam tahun 1985.

Pemindahan Labuan kepada Kerajaan Persekutuan tanpa persetujuan demokratik dan perundingan mendalam dengan penduduk-penduduk negeri Sabah dan Pulau Labuan adalah satu kesalahan sejarah dan ketidak-adilan yang mesti diperbetulkan melalui satu referendum di mana penduduk-penduduk Labuan dapat memutuskan sama ada mereka ingin Labuan terus kekal sebagai Wilayah Persekutuan atau dikembalikan kepada negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini LPN sekali lagi berada di tengah-tengah kontroversi apabila petani-petani di negeri Kedah dan Perlis terpaksa menanggung kerugian sebanyak \$25 juta akibat ketidakupayaan LPN untuk menghadapi hasil tanaman padi luar biasa. Menteri Besar Kedah sendiri pernah mensifatkan setengah-setengah kakitangan LPN sebagai "berlagak seperti penderhaka kepada rakyat dan negara" kerana tidak memberi perhatian terhadap penderitaan para petani.

UMNO Kedah terperanjat apabila saya melawat Kompleks LPN di Anak Bukit bersama-sama dengan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri DAP dari Pulau Pinang untuk melihat dengan sendiri bagaimana lori-lori dan petani-petani terpaksa berbaris dan menunggu sehingga 3 hari dan 2 malam sebelum mereka dapat menjual padi mereka kepada LPN. Mereka merasa terperanjat dengan lawatan DAP ke Kompleks LPN kerana Menteri Perusahaan Awam dan Timbalan Menteri pun tidak menganggap masalah yang dihadapi oleh petani-petani di negeri Kedah dan Perlis sebagai serius dan mendesak untuk melapangkan masa untuk melawat mereka.

Saya perhatikan bahawa akibat lawatan saya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri

terpaksa membuat lawatan mengejut ke Kompleks LPN di Anak Bukit. Adalah jelas bahawa LPN memerlukan satu rombakan dan pembersihan untuk memastikan mereka tidak menjadi seperti kata orang, "pagar makan padi". Sebab-sebab mengapa LPN masih tidak dapat mengatasi kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangannya tahun demi tahun untuk membantu dengan lebih berkesan penanam-penanam padi adalah kerana pertamanya, ketidakcekapan LPN yang telah berkembang dari 30 kakitangan 15 tahun dahulu hingga mempunyai 5,000 kakitangan sekarang. Rupa-rupanya LPN lebih minat berkhidmat kepada kakitangan LPN sendiri daripada memberi perkhidmatan kepada petani-petani.

Sebab kedua ialah wujudnya rasuah di kalangan kakitangan-kakitangan LPN dan Badan Pengecah Rasuah telah gagal untuk membanteras masalah ini. Ini dengan sendirinya menggambarkan betapa ketidakcekapan ACA sendiri.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak polis supaya mengotakan janji yang mereka telah memberi kepada bekas Penasihat Undang-undang PAS, Suhaimi Said, bahawa mereka tidak akan membantah atau menghalangnya dari menghadiri mahkamah untuk menjalankan tugas-tugas profesionalnya sebagai seorang peguam semasa tempoh beliau dihadkan kediaman di Melaka.

Suhaimi Said, bekas Setiausaha Bahagian PAS Temerloh, ditahan di bawah ISA pada 14hb Mac 1985, atas tuduhan kononnya mempunyai risalah atau menulis risalah yang ada kaitan dengan insiden Lubuk Merbau yang berlaku semasa pilihanraya kecil bagi kawasan Padang Terap di Kedah dalam bulan Januari 1985 di mana seorang ahli PAS, Osman bin Talib dibunuh dan 5 orang dcedera. Beliau dibebaskan dari tahanan setahun

kemudian pada 31hb Mac, 1986 dengan syarat bahawa beliau tidak boleh meninggalkan daerah Melaka Tengah dan negeri Melaka tanpa kebenaran Polis; harus berada di rumahnya dari pukul 10 malam hingga 6 pagi, tidak boleh mengambil bahagian dalam politik atau pertubuhan-pertubuhan awam ataupun berucap dalam perhimpunan-perhimpunan awam. Suhaimi sering diberi jaminan bahawa Polis tidak akan membantah atau menghalangnya daripada menjalankan tugas-tugas profesionalnya sebagai peguam atau mewakili pelanggan-pelanggannya di mahkamah. Suhaimi dikehendaki memberi notis 10 hari apabila mohon untuk meninggalkan daerah Melaka Tengah, tetapi walaupun beliau telah mematuhi kehendak ini, beliau tidak dibenarkan menjalankan tugas-tugas profesionalnya.

Sebagai contoh, beliau mempunyai 2 kes sivil pada 30hb September, 1986 di Mahkamah Daerah Alor Gajah yang hanya terletak di luar daerah Melaka Tengah, dan beliau telah pun membuat permohonan untuk mendapat kebenaran Polis untuk hadir di mahkamah. Pada 29hb September, dia diberitahu oleh pihak Polis supaya mengambil permitnya pada pagi 30hb September tetapi apabila beliau pergi ke Balai Polis, tidak seorang pegawai pun berada di sana dan oleh kerana itu Suhaimi tidak dapat hadir di Mahkamah Majistret Alor Gajah untuk mengendalikannya 2 kes sivil.

Keadaan yang sama juga berlaku apabila Suhaimi Said tidak dapat kebenaran untuk menguruskan sebuah kes sivil di Mahkamah Majistret di daerah Jasin pada 1ho Oktober.

Emak saudara Suhaimi, Permai binti Abbas berumur 60 tahun meninggal dunia semalam dalam satu kebakaran di rumahnya di Mentakab dan

permohonan Suhaimi untuk pergi ke Mentakab untuk menghadiri upacara pengebumian emak saudaranya ditolak atas alasan bahawa beliau mesti memberi notis 10 hari.

Saya menyeru Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya menyemak kes ini dan mengotakan janji-janji yang Kerajaan memberi kepada Suhaimi bahawa Polis tidak akan menghalangnya daripada menjalankan tugas-tugas profesionalnya. Bagi kes-kes mahkamah yang mendesak, pihak Polis mesti bersedia memberi kebenaran tanpa notis 10 hari. Suhaimi kini perlu menguruskan kes-kes di Telok Datok, Banting pada 13hb, 14hb dan 15hb Oktober. Beliau diarah oleh Mahkamah Tinggi Melaka untuk mengurus satu kes ISA atas tuduhan memiliki senjata api yang boleh membawa hukuman gantung hingga mati. Beliau telah membuat permohonan kepada Polis untuk pergi ke Penjara Taiping untuk menemuduga si-tuduh pada 16hb, 17hb dan 18hb Oktober. Pada 20hb Oktober, beliau telah pun menerima sapina menjadi saksi di Mahkamah Majistret Kuala Nerang dalam kes siasatan koroner ke dalam kematian Osman bin Talib yang berlaku di kejadian Lubuk Merbau. Saya harap oleh kerana di bawah peraturan-peraturan polis yang sedia ada, Suhaimi terpaksa pulang ke Melaka selepas setiap perjalanan sebelum dibenarkan ke tempat yang lain, bahawa pihak Polis akan membenarkan beliau terus boleh menghadiri semua program ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran membuat penjelasan sama ada Pusat Perkembangan Kurikulum bercadang meggugurkan bahasa Cina sebagai matapelajaran peperiksaan dalam peperiksaan SRP dari Kurikulum Sekolah Menengah Baru mulai tahun 1988. Menteri Pelajaran mesti diperingatkan bahawa langkah sedemikian ini akan dianggap sebagai

satu langkah ke arah penghakisan hak-hak Perlembagaan mengenai bahasa-bahasa Ibunda di Malaysia dan akan memburukkan lagi masalah polarisasi kaum di Malaysia.

Malaysia sudah pun mempunyai cukup masalah-masalah berhubung dengan perpaduan negara. Jadi kita tidak perlu lagi pegawai-pegawai yang bersikap ekstremis dan chauvinistic dari Kementerian Pelajaran atau lain-lain Jabatan untuk memijak.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta jalan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat dari Tanjong ini dengar khabar anginkah ataupun berita-berita dari sumber mana, kerana saya dengar daripada teguran-teguran dia banyak cerita-cerita khayalan dan mimpi yang dibawa dalam peribahasa. Tentunya Yang Berhormat boleh teruskan, saya cuma beri pandangan bahawa banyak pandangan-pandangan itu tidak ada asas sama sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Ialah, bagi point yang pertama, apa yang tidak berasas? Saya mahu satu jaminan mengenai perkara ini. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jaminan, oleh kerana ini bukan dicipta oleh saya, saya bukan pencipta dalam perkara ini. Kalau ada kebimbangan di kalangan orang ramai, inilah tanggungjawab kita dalam Parlimen untuk mengenali, untuk faham dan untuk menjelaskannya. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Anwar bin Ibrahim: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Terima kasih. Saya sebut perkara ini kerana seperti mana saya jelaskan, Dewan ini boleh digunakan untuk memberi pandangan atau teguran. Tetapi kalau didasarkan kepada ribuan berita-berita yang tidak berasas, kemudian dibawa ke Dewan ini sebagai bahan untuk dibahaskan, saya kira banyak membazir waktu.

Tuan Lim Kit Siang: Ini tanggungjawab Yang Berhormat Menteri untuk menjawab sama ada adakah usaha untuk menggugurkan bahasa Cina sebagai mata pelajaran peperiksaan SRP dalam tahun 1988. Itu sudah menjadi satu perkara dalam suratkhbar-suratkhbar hari ini khasnya sama ada akan menjadi satu mata pelajaran dalam kurikulum yang baru dan saya rasa ini bukan satu perkara yang kecil. Ini satu perkara yang mustahak. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pegawai Kementerian Pelajaran yang mencadangkan supaya bahasa Cina digugurkan sebagai matapelajaran bagi peperiksaan SRP, itu satu perkara yang serius. Saya harap bukan sahaja perkara ini tidak akan berlaku tetapi kita menyeru Kementerian Pelajaran menjadikan bahasa ibunda sebagai matapelajaran wajib untuk dipelajari di semua sekolah rendah dan sekolah menengah kerana hendaklah menjadi dasar rasmi Kerajaan untuk menghendaki setiap rakyat yang bukan Melayu fasih dalam bahasa ibundanya yang akan menjadi warisan kebudayaan Malaysia unik dan istimewa.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya melahirkan rasa pandang berat saya terhadap krisis kewangan yang dihadapi oleh suratkhbar-suratkhbar Cina di Malaysia seperti dibuktikan baru-baru ini di mana sebuah akhbar harian Cina, *Sin Pin Jih Pao*, berusia 47 tahun yang berpusat di Pulau Pinang telah diletak di bawah tanggungan kerana berhutang sebanyak \$1.7 juta kepada Malayan Banking.

Sebuah suratkhbar merupakan suatu institusi kebudayaan dan bukan satu perniagaan biasa dan saya harus memberi amaran kepada Malayan Banking supaya insaf dan sedar akan tanggungjawab korporatnya untuk menggalakkan pencipta kebudayaan Malaysia daripada pelbagai rakyat Malaysia dan bahawa ia tidak menjadi bank pertama yang meletakkan sebuah akhbar Cina di bawah liquidation.

Malayan Banking mempunyai tugas untuk merangka bersama-sama dengan golongan-golongan yang terlibat malah dengan masyarakat Cina sendiri satu rancangan penyelamat untuk menyelamatkan *Sing Pin Jih Pao* dan bukan menjahanamkan *Sing Pin Jih Pao* dengan meletakkan di bawah liquidation.

Saya juga menyeru Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Pulau Pinang untuk memberi bantuan untuk menyelamatkan *Sing Pin Jih Pao* kerana hidup mati institusi kebudayaan mana-mana kaum di Malaysia hendaklah menjadi perhatian bersama semua rakyat Malaysia kerana kita inginkan sebuah negara dan rakyat yang bersatupadu.

Pemilik *Sing Pin Jih Pao*, Datuk Lim Khing Kim, tidak sepatutnya menjadi batu penghalang terhadap usaha menyelamatkan suratkhbar tersebut tetapi hendaklah menyerahkan hak tuannya kepada masyarakat Cina supaya satu rancangan penyelamat dapat dirangka dan disediakan.

Satu lagi akhbar yang menghadapi kerumitan ialah Kin Kwok Daily News. Saya menyeru Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membantu akhbar-akhbar ini yang menghadapi kesulitan kewangan bagi tempoh sementara ini tanpa mengkompromiskan kebebasan dan kewibawaan lidah pengarangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda. Maaf, Pendang.

3.55 *ptg.*

Tuan Othman bin Abdul (Pendang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kawasan baru saya Pendang.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan Ulu Muda?

Tuan Othman bin Abdul: Bukan. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan bagi mengucapkan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah sudi menyampaikan Titah Ucapan di dalam Dewan yang mulia ini. Pada pandangan saya ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telahpun mencakupi beberapa bidang yang luas di mana perlulah rakyat Malaysia dari berbagai-bagai kaum menghayati dan mengamalkan ucapan amanat yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Hanya manusia-manusia yang tidak mahu mengerti, manusia-manusia yang tidak mahu faham seperti mana Ahli-ahli DAP sahajalah yang tidak dapat menikmati, yang tidak dapat menghayati betapa dalamnya pandangan Kerajaan terhadap rakyat, tanggungjawab Kerajaan terhadap rakyat.

Setelah hampir dua jam setengah Ketua Pembangkang membahaskan ucapan terima kasih ini, yang sebenarnya tidak langsung disentuh oleh Ketua Pembangkang, yang diulas

panjang lebar ialah ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas di Singapura.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya?

Tuan Lim Kit Siang: Satu jam setengah, bukan dua jam setengah. (*Ketawa*) (*Disampuk*).

Tuan Othman bin Abdul: Tunggalah, kalau setakat 24 orang dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jangan keluaran perkara-perkara yang boleh berbangkit tidak baik. Sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih. Saya cuma mengatakan masa, jam sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ini pun sudah tidak disenangi oleh Ketua Pembangkang. Memangnya ini kebiasaan Ketua Pembangkang di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat itu teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Othman bin Abdul: Shut up, shut up.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kedua-dua Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Kalau hendak cakap, minta kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk dahulu! Saya harap janganlah mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak baik yang menjadikan majlis kita ini satu majlis yang tidak sesuai dengan keadaan. Saya harap Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun panas hati diganggu. Kalau Ketua

Pembangkang tidak membenarkan orang ganggu semalam, saya hendak bercakap tidak usahlah ganggu. Saya hendak bercakap, hendak berhujah, ini diganggu oleh orang yang tidak disuruh oleh Tuan Yang di-Pertua, hendak ganggu saya.

Ini yang menjadi masalah saya. Setelah kita mendengar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mencakupi segala bidang yang disebutkan tadi, termasuklah soal-soal politik, ekonomi, kepentingan masyarakat, perpaduan kaum, polarisasi, Dasar Ekonomi Baru, semua ini termasuk dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang seharusnya menjadi pokok perbahasan, cara-cara yang boleh kita sampaikan pandangan dan pendapat kita kepada Dewan ini untuk dilaksanakan oleh Kerajaan. Itu tugas kita sebagai seorang Ahli Parlimen. Ini pengalaman banyak, Ahli Dewan yang berpengalaman, Ketua Pembangkang, veteran, masih lagi tidak dapat menunjukkan contoh, tujuan perbahasan kita yang baik di dalam Dewan yang mulia ini. Bukan kita datang untuk menunjukkan kesalahan, bukan kita datang untuk membongkarkan kesalahan. Kita boleh contohkan kesalahan-kesalahan itu supaya diperbaiki oleh Kerajaan. Kita tunjukkan kesalahan itu. Ini pokoknya.

Saya tidak nampak langsung macam mana kekalahan kita di Seoul, Korea boleh menyebabkan ada pertalian dengan krisis keyakinan di kalangan rakyat Malaysia. Satu andaian yang begitu bodoh, satu andaian Ketua Pembangkang yang begitu bodoh, macam mana boleh.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat itu tarik balik perkataan "bodoh", yang unparliamentary.

Tuan Othman bin Abdul: Saya kata andaian yang begitu "bodoh", saya tidak kata Yang Berhormat Ketua Pembangkang "bodoh", apa ini?

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, beliau menggunakan perkataan Ketua Pembangkang yang "bodoh".

Tuan Othman bin Abdul: Saya kata andaian yang begitu bodoh.

Tuan P. Patto: Bukan!

Tuan Othman bin Abdul: Saya kata andaian yang bodoh.

Tuan P. Patto: Yang pertama andaian, yang kedua itu tidak.

Tuan Othman bin Abdul: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dua-dua sekali duduk, biar saya seorang di atas ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita baru sehari mesyuarat, pada pandangan saya daripada mula sampai akhir baik agaknya Ahli-ahli Yang Berhormat sudah mula melihat, meninjau-ninjau apakah perasaan masing-masing.

Pada hari yang kedua sudah kenal sedikit sebanyak di antara satu sama lain, saya berharap kita tenteramkan keadaan ini, anggaplah Dewan yang mulia ini, Dewan yang semulia-mulianya di negara kita yang mulia ini, dengan itu saya harap Ahli dari Pendang janganlah menggunakan perkataan "bodoh" dalam mana-mana sekali pun atau mana-mana Ahli dan sila teruskan Ahli dari Pendang.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya patuh dengan ucapan itu, saya bukan mengatakan Ketua Pembangkang "bodoh", saya kata andaian yang begitu bodoh yang menyebabkan ataupun ada pertalian di antara kekalahan ahli-ahli sukan kita di Seoul dengan krisis keyakinan rakyat di

Malaysia, apa ada kaitan, tidak ada kaitan langsung, ahli-ahli sukan kita mungkin kurang stamina, kurang latihan lari tidak menang-kalah, apa ada kaitan?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun. Boleh beri jalan?

Tuan Othman bin Abdul: Boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya beri peluang.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pendang ini menjadi "pedang" sekarang. (*Ketawa*) Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sukan ini di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan oleh kerana Kementerian itu tidak mempunyai rancangan yang baik, yang berkesan sehingga mengakibatkan peserta-peserta sukan negara kita tidak begitu berprestasi dan inilah berkaitannya.

Tuan Othman bin Abdul: Itu mungkin saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong kalau kurang program, itu saya bersetuju, tetapi kalau dikaitkan dengan krisis keyakinan tidak boleh diterima, tidak masuk akal. Dengan itu saya hendak mencadangkan kalaulah DAP ini tidak ada krisis keyakinan, saya hendak mencadangkan ahli-ahli DAP boleh buat latihan terutamanya Ahli dari Kota Melaka yang masih muda lagi ini, buat latihan kuat-kuat nanti di Sukan Asia yang seterusnya yang akan diadakan di Beijing, China dia boleh lari dapat nombor satu, dengan pastilah bahawa DAP mungkin tidak ada krisis keyakinan.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada lagi yang mengganggu, boleh beri jalan?

Tuan Othman bin Abdul: Boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya boleh menerima cabaran ini, saya akan membuat latihan, saya cabar Yang Berhormat dari Pendang untuk main pimpong pun boleh juga. (*Ketawa*)

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, pimpong pun boleh, rugby pun boleh, boxing pun boleh. (*Ketawa*) Saya boleh dan mungkin Ahli Yang Berhormat juga boleh pakai glove, kita cuba satu hari kita tengok round berapa kita kalah—boleh, tetapi kalau setakat Ahli Parlimen Kota Melaka first round knock out.

Dalam DAP pun saya rasa krisis keyakinan ini hebat—saya tahu, DAP negeri Perak sahaja ada tiga kepala, Pasir Pinji satu, Ipoh satu, yang ada dua, ini pun sudah menunjukkan DAP sendiri sudah tidak mendapat kepercayaan di kalangan ahli-ahli DAP sendiri, pucuk pimpinan DAP sekarang sudah tidak dapat kepercayaan sepenuhnya daripada ahli DAP sendiri. Tidak ada siapa hendak tanya lagi? Tidak mahu menafikan bahawa ini krisis yang berlaku dalam DAP. Kita tidak bangga, kita tidak megah, kita tidak sombong dengan kemenangan kita, UMNO tidak sombong, UMNO tidak pernah bongkak yang kita memenangi 83 kerusi daripada 84 kerusi yang kita pertandingkan, yang kita sebutkan keadaan masyarakat ialah di dalam keadaan negara yang tidak stabil dan keadaan ekonomi yang lembab-Barisan Nasional, UMNO masih mampu mengekalkan kedudukan 2/3 di dalam Parlimen ini. Ini yang kita sebutkan, dalam keadaan ini kita akui kenyataan kelembapan ekonomi, kita tahu. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Meninggalkan Dewan*).

Tuan Othman bin Abdul: Dia keluar, dia takut, tunggulah, ini dia tidak mahu dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia hendak keluar.

Tuan Lim Kit Siang: Puak Mahathir atau puak Musa?

Tuan Othman bin Abdul: Tunggalah. Ketua Pembangkang pun takut, apa ini? "Penakut", ini kita hendak sebut hal dia ini banyak.

Tuan P. Pato: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kata "takut", saya rasa sudah satu keterlaluan daripada beliau, sebab takut, tak takut itu tidak timbul kalau beliau hendak tunggu, tunggalah bila saya berucap, baru tahu. (*Ketawa*)

Tuan Othman bin Abdul: Saya boleh tunggu.

Tuan P. Pato: Jangan lari ya!

Tuan Othman bin Abdul: Saya boleh tunggu, tetapi kesempatan saya hanya sekali untuk ucapan ini, tunggu saya tidak kiralah Ipohkah, Pasir Bedamarkah, Tanjongkah, kita akan cuba, kita akan mempertahankan hak kita yang kita mahu. Kalau sekiranya Ketua Pembangkang boleh bercakap dan kita boleh dengar, dia juga boleh menunggu dan mendengar ucapan kita. Ini soalnya, jadi takut itu tidak mahu dengar apa yang kita cadangkan dan apa kita cakapkan. Tadi saya katakan bahawa kita UMNO tidak pernah sombong, UMNO tidak pernah bongkak, UMNO tidak pernah tinggi diri di dalam soal kemenangan kita di dalam pilihanraya yang lalu. Saya sebutkan ini, yang mustahak, yang saya sebutkan ialah keyakinan, kepercayaan sebahagian besar rakyat negara ini yang telah memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional untuk mengekalkan kedudukan kerusi 2/3 dalam Parlimen, iaitu keputusan muktamad yang telah diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan, bukan kepada DAP yang bercita-cita untuk mentadbir negara ini. Hatta Pulau

Pinang pun tidak dapat diperintah oleh DAP. Ketua Pembangkang lari bertanding di Pulau Pinang, saya rasa pilihanraya yang akan datang dia akan bertanding di Perak, tujuannya bukan hendak jadi Ketua Menteri, bukan tujuannya untuk menjadi Menteri Besar tetapi untuk menambah pencennya daripada Melaka, daripada Selangor, Pulau Pinang. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Akhirnya ke Perak. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun, boleh beri jalan?

Tuan Othman bin Abdul: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada banyak daripada Barisan Nasional pun pindah daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain seperti daripada Damansara ke Gopeng, daripada Mata Kuching ke Labis dan sebagainya. Apa maksudnya ini?

Tuan P. Pato: Kenakah?

Tuan Othman bin Abdul: Nanti dahulu—relax, ini saya hendak kata DAP ini bukan dia tahu, dia tidak tahu samalah dengan bodoh, yang saya kata tak tahu ini ialah Ahli-ahli Parlimen Barisan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap, saya sekali lagi hendak memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya jangan langsung menggunakan perkataan "bodoh" oleh kerana tidak ada dalam perbendaharaan Parlimen kita yang mulia ini. Sila Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak tahu, saya kata dia tidak tahu, kalau dia

pindah daripada Mata Kuching sebagai Ahli Parlimen ke Kluang atau ke Pontian, dia tidak dapat pencen, kerana dia tetap Ahli Parlimen, tetapi ahli Ketua Pembangkang ini dia bertanding di Melaka, dia dapat pencen Dewan Undangan Negeri Melaka, dia dapat pencen Dewan Undangan Negeri Selangor dan mungkin dia berpindah daripada Pulau Pinang ke Perak dia akan mendapat pencen Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, itu soalan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah.

Tuan P. Patto: Dia takut, belum saya berucap, sudah takut.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah dahulu, sekejap lagi saya beri peluang, duduk! Saya beri, biar saya habiskan ini dahulu.

Tuan P. Patto: Tidak mahu beri jalan.

Tuan Othman bin Abdul: Biar saya habis ucapan ini dahulu, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dua-dua duduk!

Tuan Othman bin Abdul: Sit down boy.

Tuan P. Patto: You sit down boy.

Tuan Othman bin Abdul: Okay boy, you sit down.

Tuan P. Patto: Come on boy.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta kedua-dua duduk, minta tolong duduk, saya hendak memberi sedikit pandangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya jangan menimbulkan perkara-perkara yang menaikkan semangat kepada ahli-ahli

yang lain, hadapilah ucapan kita kepada Usul yang ada di hadapan kita ini diteruskan. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang lain itu, simpan kemudian hari di luar Dewan ini bolehlah kita teruskan. Sila, Yang Berhormat dari Pendang.

Tuan Othman bin Abdul: Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ini yang menegur kawan saya ini pasal apa, Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh ini tidak ada kaitan, dia dengan saya sahaja. Inilah yang saya kata Yang Berhormat itu tidak tahu.

Tuan P. Patto: Siapa yang hendak bercakap kena.

Tuan Othman bin Abdul: Janganlah jadi tidak tahu sangat. Inilah yang saya kata tidak tahu, tidak mengerti Standing Orders itulah yang susah. Standing Orders faham atau tidak faham. Tidak faham.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat itu sudah lebih. Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan ucapan. Yang Berhormat dari Ipoh jangan mengganggu. (*Tepuk*).

Tuan P. Patto: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh jangan mengganggu, sila duduk! Saya ini tahan lagi, tidak marah.

Tuan Othman bin Abdul: Keputusan pilihanraya yang telah kita terima, masyarakat negara ini telah memutuskan bahawa Kerajaan Barisan Nasional diberi mandat yang penuh untuk mentadbirkan negara ini dan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad adalah menjadi Perdana Menteri untuk 100% rakyat Malaysia,

bukan 45%, bukan 55% seperti yang didakwa oleh Ketua Pembangkang. Yang menyebabkan timbulnya perkara ini ialah DAP yang telah menimbulkan surat penafian, yang berucap mengapi-api yang menyebabkan sebahagian rakyat hilang kepercayaan kepada Kerajaan. Inilah kerja DAP. DAP telah menjalankan dakyahnya, tugas subversif untuk menghilangkan kepercayaan rakyat kepada negara ini, kepada pucuk pimpinan parti, seharusnya ini tidak timbul. Saya yakin Perdana Menteri kita adalah untuk 100% rakyat Malaysia, semua kaum Melayu, Cina, India, Dayak, Iban, Kadazan semua sekali, tidak ada bezanya. Yang membezakannya adalah Ketua Pembangkang DAP. Kita UMNO tidak membezakannya, DAP yang membezakannya.

Kita tidak pernah menyebut perkara itu kecuali DAP semalam di dalam Dewan ini. Ini kerja DAP yang kita tidak mahu. Kita mahu rakyat yang bertanggungjawab yang menyampaikan pandangan yang baik tidak menimbulkan sangkaan buruk kepada Kerajaan. Itu tugas kita. Ini perhimpunan DAP semuanya menyebarkan dakyah pembohongan kepada masyarakat. Tugas kita, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk menenangkan keadaan, untuk menyatupadukan masyarakat, ini tugas Kerajaan, tugas kami pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional, terutama ahli-ahli UMNO.

Kami tegaskan bahawa kami tidak bangga dan kami juga tidak takut menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Ini kami tegaskan—serius. Kalau hendak bermain api, jangan cuba bermain api nanti terbakar tangan, kata pepatah Melayu. Api akan membakar tangan. Perhimpunan Barisan Nasional—Perhimpunan UMNO menghadapi rakyat beribu-ribu dengan harapan bagi Kerajaan menjelaskan dasar

Kerajaan, untuk meminta rakyat bertenang dalam satu kes supaya rakyat dapat memahami hakikat sebenarnya apa yang akan dilakukan oleh Barisan Nasional—Kerajaan yang memerintah, bukan seperti DAP. DAP dalam perhimpunan jamuan makan malam, jamuan makan tengah hari, semuanya penuh dengan pembohongan. Ini perbezaan yang jelas dan besar yang berlaku di dalam negara kita ini. DAPlah yang menyebabkan polarisasi kaum bertambah lebar jurangnya sedangkan Kerajaan sehari ke sehari berusaha, berfikir bagaimanakah ketegasan, kesempurnaan yang boleh kita lakukan untuk memperbaiki hubungan kaum dalam negara kita ini. Orang Melayu, orang UMNO tidak pernah mempersoalkan seorang Guru Besar daripada bangsa Cina misalnya menjadi Guru Besar sekolah Melayu tidak pernah mempersoalkan tetapi perkara ini pernah dibangkitkan oleh kaum bukan Melayu. Orang Melayu tidak kesah, tidak pernah menyebut perkara ini pun. Inilah saya rasa satu perkara yang perlu ditimbang oleh masyarakat sekarang ini.

Saya rasa ucapan Ketua Pembangkang yang banyak mengulas tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas; saya tidak mahu sebutkan banyak tetapi perkara itu mungkin akan dijelaskan oleh Yang Berhormat itu sendiri tetapi pada saya adalah tidak wajar.

Kita membahaskan satu Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha mulia seri paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kita tumpukan dengan menyelitkan beberapa perkara yang harus pada pandangan saya boleh menjadi punca perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini. Tentang Dasar Ekonomi Baru, tentang ekonomi kita telah jelaskan bahawa dasar itu dibentuk terlebih dahulu dengan persetujuan komponen parti-parti

yang memerintah. Dasar dibahasakan di dalam Parlimen. Itu pandangan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, pendapat berbeza dengan dasar yang dibentuk. Pendapat seseorang bukan bermakna dasar.

Tentang perubahan sepertimana kata Pembangkang bahawa tujuan Dasar Ekonomi Baru untuk mengekalkan dominasi Melayu, bukan itu dasarnya, tetapi itu satu pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang ahli UMNO, Ahli Parlimen Kok Lanas. Dasar yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini dibahasakan bersama-sama, pandangan diberi oleh semua Ahli-ahli Parlimen yang hendak berucap, itulah dasar yang dibuat. Dasar dengan pendapat pun tidak tahu beza, hendak bertanding dalam pilihanraya, ini yang susah. Dasar Kerajaan yang bentuk. Kalau semua orang bercakap jadi dasar, yang mana satu dasar Kerajaan, saya pun tidak faham, saya tidak mengerti tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan juga hendak menyebutkan perkara-perkara yang saya rasa boleh menjadikan perbincangan yang lebih baik untuk menimbulkan pandangan-pandangan Ahli Dewan Rakyat ini yang mencorakkan pemikiran rakyat di dalam negara ini. Ini soal yang utama, soal pokok, soal yang perlu kita bawa bersama-sama, bukan menimbulkan kebimbangan masyarakat yang boleh mencetuskan sesuatu perkara yang tidak baik. Kalau sekiranya ada ura-ura perkara ini tidak baik adalah menjadi tugas kita semua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat, pemimpin-pemimpin semua parti politik untuk cuba meredakan, bukan kita menambahkan sesuatu krisis itu supaya lebih hebat berlaku. Tentang penyelewengan, tentang salahguna kuasa, rasuah itu semuanya kita tidak bersetuju. Saya tidak bersetuju, semua

ahli-ahli UMNO tidak bersetuju, semua ahli-ahli Barisan Nasional tidak bersetuju. Itu ikhlas saya cakapkan.

Kita berharap Kerajaan dapat mengambil tindakan tegas untuk menghapuskan semua ini tetapi bukannya perkara ini untuk menjadikan ia sebagai satu fitnah untuk dilemparkan kepada Kerajaan ataupun kepada orang-orang tertentu yang tidak dapat membela diri. Ini soalnya. Kalau sekiranya orang itu tidak dapat membela diri kita membawa fitnah ini di dalam Dewan yang mulia ini maka sudah pasti tidak dapatlah orang berkenaan untuk membela dirinya. Kalaulah ada beberapa tuduhan DAP semalam yang saya rasa tuduhan ini terlalu berat untuk diterima oleh beberapa orang Ahli Dewan ini, kalaulah berani silalah buat kenyataan ini di luar daripada Dewan untuk sama-sama kita menghadapi mahkamah yang akan memutuskan kalau sekiranya ada penyelewengan pinjaman, kalau sekiranya ada Ahli Dewan ini yang berhubung dengan KGB komunis, sila buat kenyataan di luar supaya kita dapat mengambil tindakan, supaya Kerajaan mengambil tindakan dan orang berkenaan juga dapat mengambil tindakan balas. Ini kita menggunakan privilege Parlimen ini untuk kita sebutkan beberapa perkara yang tidak sewajar, tuduhan yang tidak berasas kepada orang-orang tertentu yang saya rasa ini bukanlah tempat, bukanlah wajar bagi orang-orang yang berpengalaman seperti Ketua Pembangkang dalam Dewan ini membangkitkan soal ini semua.

Ahli-ahli DAP kita faham sangat bukan tujuannya untuk membaiki tetapi hendak merosak, untuk melihat kejatuhan Kerajaan yang ada dengan harapan dan dengan niat besar untuk menjadi Perdana Menteri. Itu pokok yang utama kalau sekiranya mereka ini dapat memerintah negara ini. Ini pokok, soal yang utama.

Kalau sekiranya mereka ini ikhlas saya katakan tadi mestilah pandangan mereka itu, unjuran mereka itu boleh diterima oleh Kerajaan, boleh dilaksanakan oleh Kerajaan terbuka seperti ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan ini, beliau akan menerima segala pendapat yang boleh dijalankan untuk semua masyarakat dalam negara kita ini. Ini mestilah diambil kesempatan oleh DAP khususnya untuk menyampaikan pandangan-pandangan yang bernas bukan tidak baik, ada Ahli-ahli Yang Berhormat DAP yang baik-baik yang boleh menyampaikan pandangan, yang itu DAP hendak buang, kita pun tahu dan kita pun faham, ada dua tiga ahli yang baik yang boleh menyampaikan pandangan yang bernas tetapi inilah yang hendak dibuang oleh DAP.

Tuan Chian Heng Kai: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta jalan.

Tuan Othman bin Abdul: Bolehlah bercakap.

Tuan Chian Heng Kai: Adakah Yang Berhormat itu sedar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, pandang kepada saya bila bercakap, saya Pengerusi.

Tuan Chian Heng Kai: Saya minta Yang Berhormat itu beritabullah sama ada beliau sedar bahawa Yang Berhormat dari Kok Lanas telah mengakui bahawa beliau telah terlibat dengan kegiatan komunis?

Tuan Othman bin Abdul: Apa ada kaitan dengan ucapan saya tentang Ahli DAP hendak kena buang dengan Ahli Parlimen dari Kok Lanas ini? Ini yang saya kata tidak tahu. Ini yang saya katakan tidak mengerti ini. Jadilah, cukuplah ini. Balik pergi berlatih

banyak-banyak dahulu. Berlatih, study kuat-kuat, datang balik ke Dewan ini. Apa ini? Macam itukah? Saya hendak sebut tadi ini, Ahli-ahli Parlimen DAP yang mempunyai fikiran yang baik, mereka boleh menyampaikan pandangan yang bernas itu yang tidak disukai oleh pemimpin DAP. Ini yang timbulkan tentang Ahli Parlimen dari Kok Lanas datang dari mana. Apa ini? Pandangan yang bernas, pandangan yang baik yang boleh diterima oleh Kerajaan tetap akan diterima oleh Kerajaan. Sudah pastilah akan dibuat contoh kalau boleh.

Ini yang diharapkan, bukan satu kes yang kecil yang boleh diselesaikan pada peringkat pentadbiran untuk dibawa ke Dewan yang mulia ini sebagai sumber perbahasan yang panjang lebar dengan tujuan untuk mengecil-ngecilkan atau menidakkan kepentingan Kerajaan yang dilakukan oleh DAP selama ini. Kita tidak bersetuju, saya kata tadi kes BMF juga kami Pemuda UMNO tidak bersetuju, kami berharap supaya tindakan diambil kepada semua orang yang terlibat. Kami tidak bersetuju. Dahulu pun kita kata tidak bersetuju, sekarang pun kita kata tidak bersetuju. Semalam, kelmarin, Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan bahawa beliau tidak tahu bahawa ada penglibatan, bahawa ada beberapa bank Hong Kong yang terlibat secara langsung di dalam perkara ini. Ini menunjukkan bahawa Ketua Pembangkang sendiri tidak pernah mengambil berat tentang perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya sendiri pernah membangkitkan dua buah bank secara langsung, bank-bank Hong Kong yang terlibat dalam penipuan kes BMF ini tahun sudah semasa kita membahaskan Kertas Putih BMF. Kita menyebutkan tetapi ini baru kata sedar hari ini. Apakah baru hari ini hendak sedar yang telah kita sebutkan tahun sudah penglibatannya.

Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO, kita bersetuju bahawa hak kita itu dipertahankan dan kami tidak mahu supaya hak-hak kami itu dilanggari, yang kita tidak mahu supaya orang-orang Melayu, orang-orang UMNO ini sebagai rakyat peribumi di dalam negara ini, bumiputera yang ada dalam negara ini dipersoalkan kedudukannya, dipersoalkan kepentingannya, hak-hak istimewanya.

Ini yang kita tidak mahu dengan keadaan Kerajaan mengambil berat untuk semua rakyat yang ada dengan beberapa kepentingan yang kecil, yang ada kepada orang Melayu ini masih dipersoalkan. Inilah suara-suara yang tidak menyedapkan telinga mendengar. Kita berharap sesiapa sahaja pemimpin-pemimpin Pembangkang, pemimpin-pemimpin kaum memahami juga akan hasrat dan perasaan hati orang-orang Melayu yang selama ini hidup di dalam keadaan yang lemah, kemiskinan, kurang pelajaran yang mana Kerajaan bantu sedikit sebanyak sudah menjadi punca tidak puas hati di kalangan beberapa kerat ahli masyarakat di dalam negara kita ini. Ini pun menjadi bahan perbincangan, ini pun menjadi bahan kempen, ini juga menjadi bahan hendak menimbulkan ketidakpercayaan kepada Kerajaan, sedangkan bahagian yang kecil itulah yang sedang dinikmati oleh kami orang-orang Melayu di kampung. Kalaulah ini pun tidak puas hati disebutkan maka ke manalah kami orang-orang Melayu hendak membawa diri sebagai bangsa peribumi, hak yang ada di dalam negara ini, bumi ini yang kami pijak, langit ini yang kami junjung. Inilah perkara yang hendak saya sebutkan. Sedihlah saya bila menyebut, saya sebagai bangsa Melayu yang dipersoalkan kedudukan di dalam negara kita Malaysia sendiri. Sedih saya melihatnya.

Dengan ini saya berharap supaya suara-suara sumbang di dalam masyarakat ini kita kurangkan bagi mengurangkan ketegangan keadaan masyarakat yang ada. Orang Melayu mungkin susah hendak melatah, tetapi kalau sudah dipijak kepalanya, saya tidak tahulah apa yang akan dilakukan oleh mereka, kita hanya sekadar dapat berdoa kepada Allah s.w.t. supaya mereka bersabar. Tetapi kalau mereka hendak melakukan juga apakan daya kami, apakan daya hendak kita pertahankan supaya inilah yang saya sebutkan, kita dapat bersama-sama membantu Kerajaan, pemimpin-pemimpin Pembangkang, pemimpin kaum yang ada supaya dapat mententeramkan keadaan, ini tugas kita.

Tugas kita mententeramkan keadaan bukannya dengan perasaan hasad, dengki, dendam, kesumat yang ada dalam badan kita ini, kita luahkan kepada masyarakat supaya masyarakat juga menerima pandangan dan pendapat kita untuk membenci orang lain. Ini keadaan yang akan yang nampak kepada saya akan menimbulkan suatu suasana yang tidak baik di dalam negara kita ini. Negara yang kita sayangi ini, ini negara kita, negara kita semua; negara kita semua yang kita sayangi. Sebab itulah sebagai seorang warganegara yang ada hak kepentingan, kita buat kerja ini supaya tidak akan menimbulkan rasa kecil hati, tidak ada rasa cemburu di kalangan ahli-ahli masyarakat yang sedang diatur oleh Kerajaan ini, saya rasa sudah baik oleh Kerajaan Barisan Nasional, ini sudah baik kerana ianya merangkumi semua kaum yang ada di negara kita ini.

Ini perkara yang telah berlaku bahawa kami di dalam UMNO, kami menerima sesiapa sahaja walaupun calon yang diletakkan di kawasan Melayu, kerana pimpinan Barisan Nasional walaupun dia itu seorang Cina, kami tetap memenangkan calon

itu. Ini tidak semacam DAP. DAP kalau hendak hidup di dalam kawasan bukan Cina, kawasan Melayu susahlah saya rasa, kalau berani, cubalah tengok mana-mana kawasan. Cari Ahli DAP sekarang. Ahli Parlimen letak jawatan, bertanding, tengok di Pendangkah, saya mempelawalah, Ahli DAP mana yang berani, Tasik Cenderohkah, Ipohkah. Kalau boleh pergi ke Pendang, kita cuba tengok. (Disampuk) Letak dua-dualah. Ingat kita bodoh, kita bukan bodoh, letak dua-dua.

Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menerima segala bentuk keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan. Kami menerima dengan hati yang tabah dan ikhlas dengan sebab itulah keputusan pilihanraya menunjukkan tidak ada calon-calon yang bertanding di dalam kawasan Melayu yang kami kalahkan, tidak ada. Cuba buat kajian. Ini pengorbanan bangsa Melayu terhadap sahabat daripada kaum lain. Tidak ada khianat, tidak ada pengkhianatan yang kami lakukan. Kalau kami hendak buat memang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, di Kedah tidak ada satu kerusi dengan majoriti bukan Melayu, tetapi masih kita kekalkan beberapa kerusi orang-orang bukan Melayu di dalam negara kita malahan walaupun satu kerusi kita beri dia EXCO, ini baik punya Kerajaan, pucuk pimpinan yang ada, tetapi masih lagi timbul rasa tidak puas hati di segelintir masyarakat. Mungkin lah besarnya ialah di kalangan DAP sendiri yang selalunya menimbulkan perkara ini, perkara-perkara dibangkitkan oleh DAP.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang juga menyebutkan bahawa dalam ucapan tadi ada pemerintahan kuku besi. Kuku besi—bahasa yang digunakan kuku besi. Kalau pemerintahan ini kuku besi, pemerintahan yang tidak demokrasi ini semua ini, 24 orang ini, saya yakin

tidak ada di dalam Parlimen pada hari ini, jangan cakap banyak (*Tepuk*). Sudah pasti tidak ada kalau tidak ada demokrasi. Kalau sudah ada kuku besi all out, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Out daripada Dewan ini.

Tuan P. Patto: (*Disampuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Itu yang saya kata tidak mengerti, Tuan Yang di-Pertua, Standing Order tidak ertikah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan ganggu; Yang Berhormat dari Jelutong, jangan ganggu. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu menumpukan ucapannya kepada Titah Ucapan Di Raja ataupun. . . .

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ini Standing Orderkah atau apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, sila duduk dahulu. Kalau hendak berucap-bangun, diam, minta kebenaran daripada Pengerusi. Kalau Pengerusi kata menganggu, boleh baru bangun bercakap, kalau tidak, tutup mulut. Ahli dari Pendang, sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Ini yang saya katakan dia tidak mengerti. Standing Orders memang dia tidak mengerti. Ini sebab dia kalah menang, kalah menang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan sahajalah, janganlah sindir-sindir lagi.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kata

tadi memang dia ini tidak faham. Dia tidak faham. Kalau kata dia tidak faham, memang dia marah; kalau kata tidak mengerti, dia marah juga. Memanglah tidak erti bahasalah, mudah. Jadi, tidak faham. Jadi kalau pemerintahan kuku besi, saya tidak nampak bayangan macam manakah kuku besi, berapa zalimnya Kerajaan yang memerintah, saya langsung tidak nampak tetapi daripada kaca mata DAP, saya tidak tahulah hendak bayangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh suruh saya tumpukan perbahasan kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi Ketua Pembangkang, cuba cari berapa patah perkataan yang disebutkan memberi ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, cuba cari, kalau tidak mengulang panjang lebar ucapan daripada Yang Berhormat dari Kok Lanas, UMBC, BMF; langsung tidak disebutkan tentang usaha macam mana pandangan DAP, macam manakah Kerajaan perlu bertindak untuk menaikkan ekonomi negara yang lembab sekarang, apa pandangan DAP. Satu pun tidak diberi. Ahli dari Ipoh tidak tegur dan Ahli dari Pasir Pinji tidak tegur pun, apa macam orang ini.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Boleh beri jalan tak, untuk penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri penjelasan? Sila Ahli Yang Berhormat dari Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim: Untuk penjelasan. Ahli Yang Berhormat itu tadi ada sentuh atas ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pembangkang mengenai UMBC dan lain-lain perkara. Ini ada kena mengena dengan crisis of confidence, krisis kepercayaan

di tanahair kita, dia faham atau tidak faham?

Tuan Othman bin Abdul: Kita fahamlah krisis, cakap Melayu kita fahamlah, krisis keyakinan. Cakap pun tak berapa fasih, tak betul lagi nak tegur orang. Krisis UMBC jangan tanya soal 1984, 1985 dan 1986; proses UMBC berlaku sejak tahun 1982. Itu kena fahamlah, DAP kena cari betul-betul. Proses pembelian UMBC oleh keluarga Menteri Kewangan berlaku ataupun dibuat sejak tahun 1982. Proses pengambilan itu berlaku pada masa itu, kebetulan apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan, Daim Zainuddin dilantik menjadi Menteri Kewangan.

Keputusan itu tidak dibuat oleh Menteri Kewangan, keputusan itu dibuat oleh Kabinet pada tahun 1982. Proses itu bukan bermula pada tahun 1984 sehingga 1986. Ini kita kena tahu juga fakta. Kalau hendak buat tuduhan-tuduhan yang melulu yang tidak berasas, saya rasa tak usahlah. Perkara yang kita hendak sebutkan kalau ada bentuk penyelewengan dalam proses pengambilan alih UMBC ini kita bersetuju supaya Kerajaan mengkaji dan mengambil tindakan tetapi pada pandangan kita setakat ini tidak ada perkara pun yang boleh dipertikaikan soal pengambilan itu kerana ianya dibuat melalui saluran-saluran yang tertentu sebagai seorang warganegara negara ini yang mempunyai hak juga untuk memiliki saham dalam mana-mana institusi kewangan dan institusi perdagangan yang lain yang menjadi hak semua rakyat untuk membeli kalau sekiranya mereka ada duit.

Kami orang Melayu ini mungkin satu itulah yang ada sedikit duit hendak beli bank, hendak beli sebahagian saham daripada bank. Kalau seorang Melayu hendak beli sebahagian saham daripada bank pun menjadi persoalan yang besar, saya rasa teruklah kami orang Melayu, macam mana kami

hendak mengukuhkan kedudukan kami dari segi ekonomi. Kekuatan yang ada pada kita sekarang ini, orang Melayu sekarang ini mengikut kajian pendapatan keluarga hanya \$800 sebulan bagi satu keluarga, berbanding dengan kaum Cina \$1,500 sebulan dan kaum India \$1,100 sebulan bagi satu keluarga. Ini kajian yang telah dibuat oleh Kerajaan terhadap pendapatan seisi keluarga orang Melayu masih duduk nombor tiga, \$800 sebulan dan juga kaum bumiputera yang lain masih duduk nombor tiga. Stupid guy, bangunklah kalau hendak bercakap.

Tuan P. Patto: On a point of order 36 (4). Saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan mengarahkan supaya Ahli Yang Berhormat dari Pendang menarik balik perkataan "stupid guy".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa sekali lagi saya harus memberi makluman kepada semua pihak supaya dalam kita mengeluarkan hujah-hujah kita dan juga dalam kita mengeluarkan pandangan atau "side comment", dengan izin juga, bahawa haruslah kita menggunakan bahasa-bahasa yang berpatutan ataupun bahasa-bahasa yang mulia di Dewan ini dan saya akan menentukan dari masa ke semasa apakah bahasa-bahasa yang difikirkan bahasa yang sedar didengar dan bahasa yang mulia.

Dalam pada itu haruslah juga dalam kita mengeluarkan hujah-hujah kita supaya jangan emosi kita menguasai fikiran kita, biarlah fikiran kita menguasai emosi, maka segala-galanya akan selamat.

Dengan itu saya mintalah supaya Ahli Yang Berhormat dari Pendang janganlah menggunakan perkataan yang disebutkan tadi. Sila Ahli Yang Berhormat teruskan:

Tuan Othman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sakit

hati side comment itu sahaja. Kalau dia bangun, saya beri jalan, tetapi dia buat side comment. Kita kata dia tak mengerti, dia tak mahu terima.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menunjukkan betapa pentingnya semangat kerjasama, eratnya perpaduan kaum di negara kita ini bagi membolehkan Kerajaan mentadbir dengan baik, satu hal yang dipandang amat mustahak oleh Kerajaan, tetapi diputarbelitkan, diperkecil-kecilkan oleh ahli-ahli Parti Pembangkang DAP. Mereka tidak mahu sebenarnya melihat kejayaan Kerajaan memerintah dengan baik, aman damai di dalam negara kita ini.

Kalau sekiranya mereka itu ikhlas, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menyebut tentang keikhlasan di dalam menegur, keikhlasan hati setiap orang Ahli Dewan Rakyat yang mulia ini termasuklah ahli-ahli Pembangkang DAP, yang mungkin tak ikhlas, yang ikhlas itu ada satu-dua, yang tak ikhlas lebih ramai. Sudah pastilah tidak secocok, bertentangan dengan pandangan Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perkara polarisasi kaum yang kita nampak sekarang ini mungkin bertambah lebar disebabkan oleh tindakan-tindakan segelintir mereka yang tidak bertanggungjawab kepada Kerajaan, kepada rakyat dan kepada negara kita ini dengan harapan bahawa mereka berusaha untuk menjatuhkan Kerajaan, untuk mengalahkan Kerajaan dengan cita-cita besar itu tetapi mereka gagal dalam usaha mereka untuk mentadbir negara kita ini. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan sekali lagi di dalam Dewan ini bagi mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sudi menyampaikan Titah Ucapan Baginda kepada kita semua pada 7hb Oktober, 1986 yang lalu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud]: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

4.38 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Ulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Parlimen yang mewakili kawasan Ulu Selangor bangun untuk menyokong Titah Ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah mencemar Duli ke Dewan yang mulia ini bagi membuka persidangan Dewan Rakyat bagi Parlimen yang Ketujuh pada 7hb Oktober, 1986 yang lalu.

Titah Ucapan Di Raja itu walaupun ringkas sahaja telah menegaskan perkara-perkara yang menjadi pokok dalam kehidupan bagi negara dan rakyat kita pada masa depan.

Titah Ucapan ini dari satu ayat ke satu ayat, dari satu hujah ke satu hujah adalah saya dapati Titah Ucapan ini dilengkapi penuh dengan nasihat-nasihat yang amat berguna bagi menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh negara yang kita kasih ini. Ini menunjukkan minat dan perhatian berat yang diberikan oleh Baginda terhadap keadaan dan penghidupan rakyatnya. Titah Ucapan Di Raja juga menggambarkan betapa eratnya hubungan di antara Baginda dan rakyatnya. Dalam semua aspek yang disentuh sama ada dari segi pembangunan, ekonomi atau sosial, Baginda telah mengutamakan kepentingan rakyat dan di sini saya ingin menyatakan betapa bertuahnya kita sebagai rakyat Malaysia dengan seorang Raja dan sistem berparlimen beraja yang kita mempunyai sejak kemerdekaan pada tahun 1957.

Mudah-mudahan dengan Titah Ucapan Di Raja dapatlah semua pihak yang berkaitan dengan pentadbiran negara kita menjadikan pedoman dan garis panduan untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan hasrat yang murni untuk kepentingan rakyat dan negara kita. Berpandukan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia, izinkan saya menyatakan dengan ringkas 6 perkara-perkara penting seperti berikut:

1. Kepimpinan Barisan nasional.
2. Keadaan ekonomi Baru.
3. Pelaburan asing.
4. Dasar ekonomi Baru.
5. Perumahan dan kemudahan asas kepada penduduk-penduduk di luar bandar.
6. Dasar Pelajaran Negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah kepimpinan Barisan Nasional sebagai parti yang memerintah negara Malaysia. Kejayaan cemerlang yang diperolehi oleh parti Barisan Nasional di dalam pilihanraya umum yang kita telah adakan pada 3hb Ogos, 1986 memastikan betapa besar kepercayaan rakyat negara kita di atas parti Barisan Nasional. Setiap kali sejak kemerdekaan dalam setiap pilihanraya umum rakyat kita telah memilih parti Barisan Nasional, sebagai parti untuk memerintah negara kita. Inilah bukti dengan begitu jelasnya parti Barisan Nasional ialah satu parti yang telah menerima sokongan penuh daripada semua penduduk di negara kita sama ada daripada keturunan Melayu, Cina, India ataupun lain-lain kaum yang kita ada di seluruh negara kita. Dengan kemenangan tersebut rakyat juga jelas menunjukkan kepercayaan mereka bahawa hanya Barisan Nasional mempunyai keupayaan, organisasi dan kecenderungan kepada seluruh negara dan semua rakyat untuk terus mentadbir negara kita. Hanya Barisan Nasional mempunyai perspektif dan

pandangan yang cukup khas untuk melindungi dan memimpin rakyat yang majmuk di negara kita. Walaupun keadaan ekonomi negara dan dunia selama tiga tahun yang lampau sangat-sangat buruk, sebahagian besar rakyat kita masih sedang menikmati kehidupan yang lebih baik jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita dan saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pucuk pimpinan dalam parti Barisan Nasional khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Muhammad, Perdana Menteri kita yang kita kasihi di atas kejayaan yang telah dicapai semasa negara kita menghadapi kemerosotan ekonomi yang begitu buruk.

Baru-baru ini Kerajaan negara kita telah mengambil beberapa tindakan positif seperti syarat berkaitan dengan pelaburan asing untuk mengatasi masalah kemerosotan ekonomi dan ini menunjukkan dengan jelasnya betapa berat pucuk pimpinan kita mengambil perhatian di atas masalah-masalah rakyatnya. Seperti mana kita semua telah maklum, negara kita telah mencapai kemerdekaan di atas perjuangan bukan sahaja daripada parti UMNO tetapi juga daripada MCA, MIC dan lain-lain kaum dengan satu persefahaman antara semua untuk menyatupadukan semua kaum di Malaysia sebagai satu bangsa iaitu bangsa Malaysia. Inilah semangat perpaduan yang telah disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya dan ini bukanlah satu keadaan yang tidak boleh dicapai oleh pucuk pimpinan kita.

Hanya apa kita kehendaki ialah satu dasar untuk melarang parti-parti perkauman bagi membincangkan perkara-perkara sensitif dan mengarahkan perkara-perkara tersebut dibincangkan hanya di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Barisan Nasional. Dengan

kepercayaan dan keyakinan yang begitu besar yang telah diberi kepada parti Barisan Nasional oleh rakyat kita dalam setiap pilihanraya umum inilah sebenarnya parti yang harus mengkaji dan mencari jalan sebagaimana masalah-masalah antara kaum boleh diselesaikan. Walaupun pada tahun 50an dan 60an satu semangat perpaduan yang begitu baik telah pun dicapai oleh negara kita, pencapaian ini telah pun dijejaskan pada 70an dengan tindakan-tindakan yang terpaksa diambil untuk menggalakkan satu kaum dalam ekonomi negara kita. Tetapi malangnya tindakan-tindakan tersebut telah dilakukan bukan sahaja dalam arena ekonomi, tetapi juga dalam semua bidang termasuk politik dan inilah yang telah mewujudkan satu perasaan kaum yang bukan sahaja dalam kalangan bumiputera bahkan juga dalam semua kalangan bukan bumiputera. Sebagai contohnya ialah komposisi ahli-ahli Jemaah Kabinet yang mentadbirkan negara kita di mana adalah lebih kurang 70% ahlinya daripada kaum bumiputera dan hanya 30% daripada semua lain-lain kaum yang diwakili oleh parti-parti lain dalam Barisan Nasional.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kaum India yang telah diberi hanya 5% ataupun 3 jawatan sahaja dalam Jemaah Kabinet ini. Perkara tersebut juga dicerminkan oleh bilangan kakitangan dalam sistem pentadbiran Kerajaan dan ajensi-ajensi Kerajaan dalam negara kita Walaupun keperluan-keperluan tindakan tersebut pada tahun 70an boleh difahami oleh semua rakyat, pada 80an generasi muda tidak boleh menyokong perkara-perkara tersebut oleh kerana mereka dilahirkan di negara ini dan telah memberi taat setia yang sepenuhnya kepada negara Malaysia dan dengan ini mereka tidak boleh memahami sebab apa kita harus mengadakan satu dasar yang berbeza antara satu kaum dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin merayu kepada pucuk pimpinan kita untuk mengambil semua tindakan yang perlu untuk menyatupadukan negara kita seperti dikehendaki oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Negara kita telah maju ke peringkat ini bukan sahaja di atas kerjasama dan persefahaman antara semua kaum bahkan juga dengan sumbangan positif daripada semua yang diduduki di dalam negara kita. Untuk menyusun balik negara kita ke arah pembangunan, satu keadaan antara kaum yang kita telah capai sebelum kemerdekaan harus dicapai dan jika parti Barisan Nasional boleh menyampaikan ke zaman itu saya boleh menyatakan di sini rakyat negara kita akan memilih parti Barisan Nasional bukan sahaja dalam pilihanraya umum yang akan datang pada tahun 1991 atau 1996 tetapi juga dalam semua pilihanraya umum yang kita akan menghadapi dalam abad 21. Dalam konteks ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji semua tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk membentuk satu bangsa yang bersatu padu, kukuh dan dinamik dan saya ingin merayu kepada semua pucuk pimpinan lain kita untuk mencontohi beliau dalam semua tindakan yang sedang dan akan diambil oleh mereka.

Limau manis dimakan manis,
manis sekali rasa isinya,
dilihat manis dipandang manis,
manis sekali hati budinya. *(Tepuk)*

Inilah pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan saya ingin merayu kepada semua pucuk pimpinan bukan sahaja daripada Barisan Nasional tetapi juga daripada parti-parti Pembangkang untuk mencontohi beliau untuk menggalakkan negara kita ke arah perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin menyentuh di sini

ialah keadaan ekonomi negara. Daripada unsur-unsur dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dapatlah kita lihat dengan jelasnya betapa merosotnya ekonomi negara kita. Perkara ini juga dapat dikenalpasti apabila kita melihat bilangan syarikat-syarikat yang memasuki dalam "receivership", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan keadaan perniagaan lain dalam negara kita. Walaupun keadaan ekonomi dalam sesebuah negara terbabit dengan keadaan ekonomi di seluruh dunia maka ekonomi negara kita lebih terjejas jika dibandingkan dengan negara-negara lain dengan taraf yang sama dengan kita. Ini berlaku oleh kerana negara kita bergantung di atas pasaran barang-barang mentah seperti getah, kelapa sawit, bijeh timah, petroleum dan lain-lain barangan seperti itu. Walaupun Perdana Menteri dan pucuk pimpinan kita telah menyedari masalah berkaitan dengan pasaran bahan-bahan mentah dan telah mengambil tindakan untuk meminda negara kita ke arah perindustrian, pemindahan ini telah berlaku dalam keadaan kemerosotan ekonomi dan akibatnya ialah sepertimana yang kita sedang lihat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan satu masalah besar yang harus diselesaikan untuk mengatasi masalah kemerosotan ekonomi negara ialah kekurangan ataupun defisit anggaran belanjawan negara. Saya ingin memohon kepada Kerajaan kita untuk mengambil tindakan tegas untuk membaiki situasi tersebut oleh kerana jika tidak, negara kita akan sampai ke peringkat sebuah negara jiran kita di mana baru-baru ini kewangannya telah turun nilainya.

Tindakan-tindakan positif saya boleh cadangkan di sini ialah seperti berikut:

- (1) Mengurangkan belanjawan luar negeri melalui satu sistem yang

boleh meminda semua keperluan yang kita sedang mendapat di luar negeri kepada dalam negeri. Contohnya ialah pelajaran tinggi dan pembelian barang-barang seperti sayur-sayuran, daging-daging dan lain-lain barang yang sebenarnya boleh diwujudkan di sini, tetapi masih diperolehi di luar negeri dengan sebab-sebab tertentu.

- (2) Pemindahan sebahagian pekerja-pekerja dari sektor awam kepada sektor swasta dan dari sektor swasta ke sektor awam di bawah mana semua Jabatan-jabatan Kerajaan mempunyai bilangan pekerja-pekerja berasaskan di atas nisbah kaum di negara kita. Tindakan ini boleh menaikkan daya pengeluaran mutu kerja dan kesungguhan bekerja sepertimana dikehendaki oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya. Keadaan tersebut boleh juga menggalakkan semangat bersatu padu antara semua kaum dalam negara dan ini akan menaikkan imej negara kita dari segi kalangan antarabangsa dan menggalakan pelaburan asing ke negara kita.
- (3) Menarik balik sebanyak sedikit dasar-dasar yang telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara dalam dua tahun yang lampau berkaitan dengan fungsi-fungsi bank dan syarikat kewangan, khasnya berkaitan dengan penolakan faedah yang tidak dihidmat oleh orang-orang peminjam pada masa panjang, ataupun dengan izin, "writing-off of interest that is not serviced in the profit of a company" dan juga pegangan hanya 20% saham oleh satu kumpulan dan juga dalam institusi-institusi

tersebut. Akibat dasar-dasar ini, inilah yang kita lihat pada hari ini di bawah mana institusi-institusi kewangan tersebut sendiri terlibat dalam kekurangan kewangan dan dengan keadaan begitu bagaimanalah ekonomi negara kita boleh digiatkan.

- (4) Membatalkan, dengan izin, "withholding tax" di atas wang simpanan dalam institusi-institusi kewangan untuk menggalakkan orang-orang tempatan menyimpan wang dalam negeri kita dan bukan luar negeri.
- (5) Membatalkan ataupun memindahkan sedikit sebanyak "property gains tax" dan "property transfer tax" untuk menggalakkan perniagaan di dalam sektor harta di dalam negara kita.
- (6) Mewujudkan satu dasar baru untuk menggalakkan perhubungan baik dengan semua negara di dalam dunia kita tanpa pengeluaran apa-apa dasar untuk berdekatan dengan mana-mana negara.
- (7) Mengambil tindakan untuk menggalakkan orang-orang tempatan untuk melabur di negara kita sebelum menjemput orang-orang asing oleh kerana dengan ini sahaja kepercayaan dan keyakinan orang-orang asing boleh dinaikkan. Dengan satu pemulihan yang dimulakan oleh orang-orang tempatan, pelaburan orang-orang asing boleh disambung untuk menaikkan jumlah aktiviti pelaburan dalam negara kita. Untuk menarikkan pelaburan orang-orang tempatan dalam negara kita, hanya satu sahaja

yang lebih perlu, iaitu jangan asingkan pelaburan itu sebagai pelaburan bumiputera ataupun bukan bumiputera dan mengecualikan semua pelaburan itu daripada ICA (Industrial Co-ordination Act), dengan izin.

Perkara yang ketiga saya ingin menyentuh kepada Dewan yang mulia ini ialah pelaburan asing. Di sini saya ingin menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang telah memberikan kepentingan yang begitu berat kepada sektor swasta sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kita harus juga mengalu-alukan tindakan pengubahsuaian yang sedang dibuat dalam syarat-syarat untuk menggalakkan perdagangan dan perindustrian, khasnya dari segi pelaburan oleh orang-orang asing, tetapi saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan penarikan pelaburan asing tidak boleh dibuat hanya dengan penukaran syarat-syarat sahaja. Ada pepatah Melayu yang berkata: di mana ada gula, di situ ada semut. Begitulah pelaburan asing. Sebenarnya pelaburan asing boleh dianggap sebagai satu perkahwinan dengan orang dalam negara kita, sepertimana kita semua dimaklumkan seolah-olah satu perkahwinan hanya boleh dilakukan selepas bukan sahaja dikenali tetapi juga dicintai dan beberapa lain pemeriksaan bukan sahaja daripada wajahnya tetapi juga dari hatinya. Begitu juga penarikan pelaburan modal asing.

Pada pendapat saya ada juga beberapa lain-lain perkara kita harus juga mengkaji dan membaiki sebelum pelaburan asing boleh dilakukan sepertimana kita harapkan. Sebagai contohnya ialah:

- (1) Masalah berkaitan dengan tanah. Jika tanah boleh dimiliki dengan mudahnya dan boleh digunakan sebagai cagaran

untuk pinjaman dari bank-bank. Lain-lain perkara berkaitan dengan proses tanah juga harus dipercepatkan, khasnya dari segi pemindahan tanah dari satu pihak ke lain.

- (2) Masalah berkaitan dengan pekerja-pekerja. Disiplin pekerja-pekerja dan taat setia pekerja-pekerja dan mutu pengeluarannya harus dipertingkatkan sepertimana disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.
- (3) Kawalan untuk modal yang telah dilabur di negara kita. Kerajaan harus memberi jaminan di bawah pelaburan tersebut tidak diambilalih oleh siapa-siapa dalam negara kita dan modal tersebut boleh dibenar untuk dikeluarkan dari negara kita pada masa akan datang.
- (4) Membaiki lebih baik sistem infrastruktur kita di dalam negara seperti pelabuhan dan lapangan terbang, jalan, air, api, telefon dan lain-lain kemudahan asas untuk menggalakkan pengurusan dan pentadbiran berkaitan dengan pelaburan tersebut.
- (5) Satu konsep sederhana oleh pucuk pimpinan kita berkaitan dengan semua aspek dalam negeri dan luar negeri sama ada daripada segi politik seperti Dasar Pelajaran ataupun Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ataupun dari segi ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelaburan asing, kita harus juga menghadapi segolongan rakyat dalam negeri yang tidak akan menyokong tindakan-tindakan tersebut oleh kerana inilah satu sistem lama yang digunakan oleh penjajah dan ini boleh mengakibatkan kejatuhan maruan negara kita di dalam

kalangan negara-negara yang sedang membangun. Saya ingin membawa kepada perhatian mereka apa yang paling penting dalam keadaan ekonomi sepertimana kita sedang menghadapi ialah peluang pekerjaan untuk setiap warganegara kita. Jika peluang ini tidak diberi, negara kita boleh menghadapi masalah bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga dari segi politik yang boleh menjejaskan keharmonian dan kemakmuran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat saya ingin menyentuh di sini ialah berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru. Beberapa banyak perbincangan kontroversi telah dan sering berlaku berkaitan dengan dasar ini, khasnya apabila suasana pilihan sama ada pilihanraya umum ataupun pilihan parti-parti politik sedang berjalan dalam negara kita. Saya tidak ingin menyambung kepada kontroversi tersebut, tetapi hanya ingin menyentuh di sini satu aspek yang penting sebagai seorang dengan pengalaman selama 25 tahun dalam bidang swasta bukan sahaja dalam negeri Malaysia tetapi juga luar negeri. Aspek ini ialah berkaitan dengan bagaimana kita boleh menggalak satu golongan yang tertinggal dalam bidang ekonomi dan ini tidak boleh dibuat melalui satu sistem yang menghadiahkan orang-orang dipilih oleh Kerajaan tetapi hanya melalui satu sistem yang menggalakkan inisiatif pemikiran dan daya pengeluaran semua yang ada di dalam golongan tersebut.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan di sini saya menyokong penuh Dasar Ekonomi Baru dan tujuan kita di bawah mana dasar ini telahpun diwujudkan selepas tahun 1969. Dalam zaman itu ekonomi negara kita telah membangun dengan kadar lebih daripada 7% dan kadar pengujudan golongan berpendapatan dalam negara kita begitu tinggi. Tidak ada siapa pun dalam masyarakat kita yang telah pun dijejaskan tetapi dalam

zaman ini dengan keadaan ekonomi begitu merosot, bukan sahaja tidak ada apa-apa pembangunan dalam ekonomi negara kita, maka ada juga golongan besar yang menghadapi masalah untuk melanjutkan perniagaan dan kehidupannya dan oleh itu kita sedang menghadapi sedikit sebanyak tentangan berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru dari golongan-golongan tersebut.

Dalam keadaan ekonomi pada hari ini apa yang kita harus mengkaji dengan sedalam-dalamnya ialah bagaimana kita boleh memenuhi hasrat dan harapan masyarakat kaum bumiputera dan juga kaum bukan bumiputera melalui satu sistem sederhana di bawah mana semua pihak boleh menerima hasil daripada sistem yang akan dicadangkan.

Satu contoh saya ingin mencadangkan di sini ialah satu sistem untuk memberi wang simpanan kepada semua rakyat sama ada yang berpendapatan tinggi atau rendah tetapi dengan kadar yang paling tinggi kepada golongan bumiputera yang berpendapatan rendah dan kadar yang paling rendah kepada golongan bukan bumiputera yang berpendapatan tinggi. Sistem ini boleh dilakukan melalui sistem pembayaran dari gajinya kepada satu tabung khas untuk pelaburan ataupun melalui Wang Simpanan Pekerja ataupun EPF, dengan izin. Wang simpanan tersebut boleh disalurkan kepada satu bank khas bernama Bank Kegiatan Ekonomi. Bank tersebut juga boleh memberi lebih pertolongan kepada kaum bumiputera melalui sistem pinjaman dengan faedah yang kurang dan lain-lain caranya. Dengan keadaan bank itu semua yang berminat dalam perniagaan dan perindustrian boleh dipaksa menggunakan sebahagian wang simpanan diri sendiri dari bank tersebut dan dengan ini mereka terpaksa bekerja bertungkus-lumus untuk menjayakan perniagaannya dan tidak bergantung sepenuhnya di

atas pertolongan daripada Kerajaan sahaja bagi memajukan dan menayakan perniagaan tersebut.

Sebenarnya negara-negara maju telah mengadakan pertolongan Kerajaan kepada rakyatnya secara percuma sebagai perkhidmatan sosial ataupun social service dan sepertimana kita semua dimaklum, Kerajaan-kerajaan negara maju pada hari ini telah menyedari kebebanan belanjawan ini dalam anggaran belanjawan mereka. Jika pendapatan negara-negara termaju dalam dunia ini begitu, bagaimanalah Kerajaan kita yang bergantung di atas harga barang-barang mentahnya dan bukan barang-barang sophisticated yang mana harganya boleh ditetapkan tanpa keadaan ekonomi dunia. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada pucuk pimpinan kita, ekonomi negara kita tidak boleh menanggung lebih bebanan melalui Dasar Ekonomi Baru dan menggunakan satu cara yang lebih berkesan dan mengurangkan kontroversi untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima, saya ingin menyentuh kepada Dewan yang mulia ini ialah perumahan dan kemudahan-kemudahan asas kepada kawasan-kawasan luar bandar. Di bawah perkara ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah mengumumkan baru-baru ini satu pedoman di bawah mana adalah sebahagian besar peruntukan negara kita akan dibelanjakan untuk membangun kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai satu golongan yang telah ketinggalan dari banyak aspek pembangunan yang telah dijalankan dalam negara kita, Kerajaan harus memberi lebih perhatian kepada kawasan luar bandar pada masa yang akan datang.

Dalam zaman ini sebuah rumah yang dilengkapi dengan semua kemudahan asas seperti air, api dan lain-lain bahan moden bukan menjadi hak bagi penduduk-penduduk di bandar sahaja tetapi juga di luar bandar. Tetapi malangnya ada juga pada masa ini beberapa banyak kampung-kampung dan ladang-ladang yang tidak mempunyai air bersih dan api. Dalam aspek ini saya mengalu-alukan tindakan positif yang telah diambil oleh Kementerian Kerjaraya untuk membekalkan semua kawasan di luar bandar dengan air dan saya suka merayu kepada Kementerian tersebut bagi memulakan kerja-kerja berkaitan dengan hasrat ini secepat mungkin.

Di bawah perkara ini, saya suka juga mengingatkan kepada Kerajaan satu golongan yang terlalu dilupai oleh Kerajaan ialah golongan pekerja-pekerja di ladang-ladang di seluruh Malaysia. Walaupun tanggungjawab di atas pekerja-pekerja tersebut lebih bergantung di atas majikan-majikan yang mempunyai ladang-ladang tersebut, saya ingin merayu kepada Kerajaan di zaman kemerosotan ekonomi sepertimana yang kita sedang menghadapi, Kerajaan harus mengambil kira kebebanan tuan-tuan tanah untuk membawa api dan air kepada ladang-ladang tersebut. Pekerja-pekerja estet tersebut walaupun telah menyumbang begitu banyak kepada pembangunan negara kita, tetapi masih ada dalam golongan yang paling miskin. Oleh yang demikian, kita tidak boleh menolak nasib mereka kepada pihak majikan mereka sahaja.

Sistem yang saya ingin mencadangkan Dewan yang mulia ini ialah sepertimana kita sedang mengikuti di dalam skim-skim FELDA di mana Kerajaan telah menanggungjawab di atas perkara ini. Jika sistem ini boleh dilanjutkan kepada estet-estet, saya rasa satu golongan besar dari luar bandar yang sentiasa menyokong parti Barisan

Nasional boleh menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan ini akan meningkatkan imej parti Barisan Nasional pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keenam dan akhir, saya ingin menyentuh di sini ialah berkaitan dengan Dasar Pelajaran Negara kita. Saya rasa tidak ada sesiapa pun dalam negara kita yang tidak menyokong Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Nasional dan bahasa bagi menyatupadukan semua kaum-kaun yang ada di dalam negara kita.

Saya ingin membawa kepada Dewan yang mulia ini, ada juga satu golongan kecil dalam masyarakat kita yang ingin mewujudkan isu-isu politik berkaitan dengan sekolah-sekolah Cina dan Tamil dan seterusnya ingin membentangkan keadaan sekolah-sekolah itu.

Apa yang saya ingin membawa kepada perhatian golongan tersebut ialah semua penduduk-penduduk keturunan Kaum Cina dan India menyokong penuh di atas pembelajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Nasional kita, tetapi mereka juga ingin belajar bersama-sama dengan Bahasa Malaysia, bahasa Tamil ataupun bahasa Cina oleh kerana adalah betapa besar pengetahuan dalam kedua-dua bahasa tersebut yang mana boleh dihilangi daripada generasi yang akan datang jika sekolah-sekolah tersebut ditentang.

Sepertimana kita semua dimaklumkan, kedua-dua bahasa itu adalah berumur dengan melebihi 1,000 tahun dan adalah beberapa sastera seperti astronomi, astrologi, agama, kebudayaan dan lain-lain bidang pengetahuan yang paling menarik dan paling mustahak untuk kehidupan sempurna masyarakat kita. Inilah sebab yang mustahak kedua-dua kaum tersebut ingin melanjutkan keadaan sekolah-sekolah Tamil dan Cina di negara kita. Perkara ini boleh juga terus dijefaskan melalui cara

kehidupan kita dalam Malaysia di mana kita menyedari betapa besar ciri-cirinya yang telah pun diturunkan kepada kita melalui kedua-dua bahasa tersebut.

Berhubung dengan perkara ini, lagi satu perkara berkaitan dengan pengetahuan yang sedang diwujudkan pada masa ini ialah di kalangan murid-murid institusi tertinggi dalam negara kita. Ada sebahagian tuan-tuan syarikat di negara kita yang menyoalkan tentang pengetahuan ataupun caliber, dengan izin, murid-murid kita apabila mereka meninggalkan institusi-institusi tertinggi dalam negara kita.

Sepertimana kita semua telah dimaklumkan caliber ataupun pengetahuan luas oleh orang-orang profesional yang dikeluarkan pada tahun 50an, 60an dan 70an boleh dibandingkan dengan orang-orang profesional daripada mana-mana negara maju di dunia ini, tetapi pada zaman ini pandangan daripada tuan-tuan syarikat tersebut, caliber dan daya pengeluaran murid-murid baru tidak begitu memuaskan dan ini melahirkan perasaan sedih dalam hati-hati tuan-tuan syarikat tersebut.

Saya ingin memohon kepada Kerajaan kita untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya semua aspek berkaitan dengan caliber murid-murid yang dikeluarkan oleh institusi-institusi tertinggi dalam Malaysia dalam tahun 80an dan jika caliber dan daya pengeluaran mereka tidak memuaskan bagi mengambil tindakan sewajarnya untuk membaiki keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya ingin mengucapkan di sini rakyat negara kita bersyukur kepada Tuhan oleh kerana telah menerima satu Kerajaan yang teguh dan berkebolehan untuk memerintah negara kita selama 5 tahun lagi. Kami juga berdoa kepada Tuhan memohon

restu agar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan keluarganya sentiasa di dalam sihat dan seterusnya dilanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memulih perbahasan di bawah Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong setakat itulah ucapan saya dan saya mengakhiri ucapan ini dengan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang telah diberi kepada saya bagi menyampaikan ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

5.08 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah membenarkan saya untuk membahaskan Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang di Dewan yang mulia ini yang telah membangkitkan beberapa isu dan andaian yang tidak dapat diterima.

Di dalam ucapannya, Ketua Pembangkang telah melaung-laungkan kejayaan partinya di dalam Pilihanraya Umum pada 3hb Ogos, 1986 yang lalu. Beliau bukan sahaja membuat andaian bahawa partinya telah muncul sebagai parti yang kedua terbesar ataupun terkuat di dalam pilihanraya tersebut.

Ketua Pembangkang telah juga membuat andaian seolah-olah dengan kemenangan 24 kerusi Perlimen itu adalah hampir sama besarnya dengan kemenangan Barisan Nasional di

dalam Pilihanraya Umum yang sama. Tetapi apa yang Ketua Pembangkang lupa menyebutkan ialah bahawa kemenangan 24 kerusi Perlimen itu jauh bezanya jika dibandingkan dengan kejayaan Barisan Nasional yang memenangi 148 kerusi. Kalau dikira dari segi peratusan kemenangan kerusi DAP di Parlimen hanyalah 13.5% sahaja. Sekiranya 13.5% ini dianggap sebagai satu kemenangan besar, maka tidak hairanlah bahawa Ketua Pembangkang suka memuji prestasi setiap kali pilihanraya umum diadakan walaupun tidak mendapat sokongan seperti yang diharapkan.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun, boleh bagi laluan?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat sedar bahawa walaupun misalnya UMNO menang 83 kerusi, mendapat 1.4 juta undi, DAP menang 24 kerusi dengan hampir 1 juta undi; itulah perbezaan yang sangat besar. Jadi saya berharap Yang Berhormat sedar dan kalau DAP ada menyebutkan hal ini, pada 4hb Ogos lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melaung-laung dengan lantang kepada dunia mengenai kemenangan yang dikatakan begitu cemerlang.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meneruskan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hairan kenapa Ketua Pembangkang tidak menceritakan di Dewan yang mulia ini bahawa 40 orang calon DAP telah kalah di tangan Barisan Nasional di dalam pilihanraya yang lalu (*Tepuk*). Adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang

merasa malu atas kekalahan 40 calonnya iaitu kecundangan hampir 2/3 daripada 64 calon DAP yang masuk bertanding? Tidakkah Ketua Pembangkang merasa keciwa dengan prestasi partinya yang begitu buruk? Kalau betul DAP itu parti yang kedua terkuat di negara ini, maka sewajarnya DAP memenangi kesemua kerusi yang ditandinginya ataupun sekurang-kurangnya memenangi 56 kerusi Parlimen seperti yang diidami oleh Ketua Pembangkang.

Saya juga rasa hairan kenapa Ketua Pembangkang mempunyai formulanya sendiri berkenaan dengan bilangan kerusi yang patut dimenangi oleh DAP di Dewan yang mulia ini. Adakah parti itu tidak mengiktirafkan keputusan orang ramai khususnya pengundi-pengundi yang menolak DAP di 40 kawasan? Sekiranya Ketua Pembangkang ragu-ragu menerima keputusan pengundi, maka sewajarnya beliau harus menolak keputusan di kawasan Parlimen Tanjong yang memilihnya sebagai Wakil Rakyat. Kita tidak harus membenarkan seseorang Ahli di Dewan yang mulia ini hanya menerima sebahagian daripada kenyataan iaitu mengiktirafkan kemenangan dirinya sendiri tetapi menyangkal kemenangan Ahli-ahli yang lain. Sekiranya keputusan pilihanraya boleh ditentukan oleh perasaan calon-calon yang bertanding sahaja maka tidak perlu diadakan pilihanraya langsung.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang juga telah cuba mengelirukan Dewan yang mulia ini bahawa PAS seharusnya juga memenangi lebih banyak kerusi di Parlimen memandangkan jumlah undi yang diperolehi oleh parti itu pada 3hb Ogos yang lalu. Saya berasa *hairan kenapa setelah keputusan muktamad telah dibuat oleh rakyat di mana PAS telah ditolak di 97 daripada 98 kawasan Parlimen yang ditandinginya, Ketua Pembangkang*

masih berpendapat bahawa PAS harus mendapat kerusi lebih banyak daripada satu. Adakah Ketua Pembangkang hanya mengeluarkan saranan-saranan yang tidak logik ini untuk mengelirukan pihak PAS ataupun Ketua Pembangkang berasa kesal kerana di dalam pilihanraya umum yang lalu DAP tidak memberi kerjasama kepada PAS. Mungkin oleh kerana perasaan kesal ini Ketua Pembangkang cuba membetulkan keadaan dengan pura-pura membela PAS di Dewan yang mulia ini. Sekiranya inilah tujuan Ketua Pembangkang, saya rasa pihak PAS tidak terpedaya oleh muslihat DAP. Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Adakah Yang Berhormat beri jalaun?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Saya hendak habiskan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini atas ucapan Ketua Pembangkang yang agak keterlaluan di dalam usahanya untuk memburuk-burukkan beberapa orang yang dinamakannya. Saya ingin tahu sama ada wajar bagi seorang Ketua Pembangkang membuat tuduhan terhadap beberapa Ahli Dewan yang lain dengan menyebut nama-nama mereka, seolah-olah mereka ini tidak mempunyai maruah. Apakah seseorang Ahli Dewan yang mulia ini dibenarkan melemparkan tuduhan terhadap Ahli-ahli yang lain tanpa menghormati maruah mereka?

Saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya Ketua Pembangkang lebih berhati-hati apabila berucap dan menyentuh peribadi Ahli-ahli yang lain. Janganlah kita membenarkan seorang Ahli terlalu bebas berucap hingga menimbulkan suasana yang tidak tenteram di Dewan yang mulia ini, lebih-lebih lagi kalau

ucapan itu datangnya dari Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kesal atas saranan-saranan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang bahawa seorang daripada Ahli Dewan yang mulia ini telah membuat pinjaman sebanyak \$20 juta daripada Bank Pusat Kerjasama Berhad. Ketua Pembangkang juga memberi keterangan-keterangan lanjut berkenaan dengan cagaran tanah untuk membolehkan pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Ketua Pembangkang di manakah ia mendapat maklumat atau keterangan-keterangan yang disarankannya. Adakah ia mendapat keterangan ini daripada pihak Bank yang berkenaan? Jikalau tidak, siapakah yang boleh menyiarkan maklumat-maklumat daripada sebuah Bank tanpa melanggar peraturan-peraturan Bank. Saya ingin menyatakan di sini bahawa sebarang maklumat berkenaan dengan permohonan pinjaman dan lain-lain urusan sesebuah bank dengan pelanggan-pelanggannya adalah satu perkara sulit atau rahsia dan tidak boleh dibocorkan oleh mana-mana pegawai atau kakitangan Bank berkenaan. Ini bermakna bahawa sekiranya Ketua Pembangkang telah mengumpul maklumat tersebut daripada sumber-sumber Bank, maka ia telah melakukan satu kesalahan mengikut Akta Bank di negara ini.

Oleh yang demikian beliau dan juga pihak yang menyampaikan maklumat yang disarankan harus dikenakan tindakan yang sewajarnya. Sekiranya Ketua Pembangkang menafikan bahawa maklumat yang disarankannya itu diperolehi dari kebocoran pihak Bank Berkenaan, maka saranan dan andaian yang dibuatnya ke atas seorang Ahli Dewan ini tidaklah boleh diterima, sebab tidak ada pengesahan.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, yang paling keciwa sekali di dalam ucapan Ketua Pembangkang ialah berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru ataupun DEB. Hujah-hujah Ketua Pembangkang menunjukkan bahawa beliau terlalu resah dan bimbang terhadap pelaksanaan DEB di negara ini. Saya ingin memperingatkan Ketua Pembangkang bahawa DEB telah dirangkakan untuk mencapai matlamat menyeluruh perpaduan negara dan pembinaan sebuah negara menerusi pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan kedudukan kawasan. Sebelum DEB dirangka dan dilaksanakan di negara ini, pertumbuhan ekonomi adalah secara tidak tersusun dari segi masyarakat dan penduduk. Oleh yang demikian beberapa masalah telah timbul, terutamanya dari segi sosio-ekonomi. Masalah-masalah ini telah mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu masyarakat kita berpecah-belah akibat sesuatu dasar yang tidak mengambil kira ketidak-seimbangan paras ekonomi penduduk-penduduk yang berbilang bangsa di negara ini. Maka itulah sebabnya kita menyokong penuh usaha-usaha Kerajaan dalam pelaksanaan DEB. Kita sedar bahawa beberapa kesulitan timbul di dalam pelaksanaan DEB tetapi kita tidak boleh nafikan bahawa DEB itu adalah satu-satu daripada usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan secara keseluruhannya dan menyusun semula masyarakat supaya perasaan ketinggalan oleh sesuatu kaum atau bangsa di negara ini tidak akan mengakibatkan pecah-belah di antara kita. Oleh kerana golongan bumiputera di negara ini merupakan bilangan terbesar yang menghadapi masalah kemiskinan, maka sewajarnya penekanan pertumbuhan ekonomi ditumpukan

terhadap bumiputera. Tetapi pihak Kerajaan telah menunjukkan keadilannya dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan mengambil kira kepentingan semua kaum. Sebab itulah matlamat Kerajaan masakini ialah untuk menentukan pencapaian 30% di bidang penglibatan bumiputera di dalam aktiviti ekonomi negara.

Setakat ini laporan-laporan rasmi menunjukkan bahawa pencapaian Dasar Ekonomi Baru hanyalah dalam lingkungan 18% sahaja. Ini bermakna bahawa kita harus teruskan pelaksanaan DEB sehingga tercapai matlamat asalnya. Kita tidak mahu melihat DEB ini merugikan sesiapa atau terkandas akibat halangan-halangan yang disengajakan oleh pihak Pembangkang. Yang penting ialah nasib orang-orang kita yang masih di bawah tahap kemiskinan yang harus diatasi dan bukan saranan-saranan pihak yang sengaja hendak menentanginya untuk kepentingan politik mereka.

Sekiranya pihak Pembangkang ingin mencari sokongan dari pengundi-pengundi, terutamanya dari golongan bumiputera, maka saya sarankan supaya mereka menyokong penuh Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada 7hb Oktober, 1986. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kapit.

3.24 ptg.

Tuan Jimbun Anak Pungga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak pengundi kawasan Kapit, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan baginda kepada sidang bersama Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini serta segala nasihat yang amat berguna yang telah disuarakan baginda kepada kita, Wakil-wakil Rakyat dan juga semua rakyat negara kita amnya. Kita sama-sama berdoa agar Seri Paduka Baginda akan sentiasa menikmati kesihatan yang berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membentangkan pandangan saya mengenai Dasar Ekonomi Baru dan cadangan Kerajaan hendaklah meneruskannya melebihi tempoh 1990. Penerusan Dasar Ekonomi Baru pada pandangan saya, bukan hanya berpatutan, bahkan satu keputusan logik berdasarkan dua sebab:

Pertamanya, seperti mana kita semua maklum bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru itu sendiri masih belum kita capai dan tidak mungkin akan dapat dicapai sebelum tahun 1990;

Keduanya, bahawa penghapusan kemiskinan, yang merupakan satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru, merupakan tanggungjawab sosial yang berterusan mana-mana Kerajaan sekalipun.

Tambahan pula, penyusunan semula masyarakat objektif kedua Dasar Ekonomi Baru, bertujuan menghapuskan pengenalan sesuatu kaum berdasarkan fungsi ekonomi. Proses penyusunan semula masyarakat ini memanglah satu proses yang lambat dan memerlukan masa yang panjang untuk dilaksanakan dengan jayanya. Kerana sebab ini sahaja, tempoh yang masih ada dalam dekad ini, sudah tentu tidak memadai untuk kita mencapai tujuan yang murni ini.

Sebagai Wakil Rakyat dari Sarawak, saya akan gagal memikul tanggungjawab saya, seandainya saya tidak mengutarakan satu lagi sebab

yang amat penting yang memerlukan Dasar Ekonomi Baru diteruskan melebihi tahun 1990.

Sarawak seperti mana juga Sabah, program pembangunan ekonomi bermula agak lewat. Dibanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, Sarawak masih lagi jauh ketinggalan di dalam pelbagai aspek pembangunan. Oleh yang demikian, amatlah perlu bagi kita bertanya kepada diri kita sendiri, apakah langkah-langkah positif yang perlu kita lakukan untuk merapatkan lagi jurang ini? Pada saya jawapannya amat nyata. Andaikanlah tempoh baru Dasar Ekonomi Baru ini diletakkan pada tahun 2,000 segala usaha hendaklah diambil untuk mempercepatkan kadar pelaksanaan projek-projek dan program-program Dasar Ekonomi Baru di Sarawak. Kegagalan kita untuk memenuhi sasaran yang telah ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru setakat ini boleh saya ringkaskan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "we are so near, yet so far".

Kadar penyusunan semula masyarakat di luar bandar khasnya mestilah dipertingkatkan terutamanya di kalangan bumiputera berketurunan Dayak—Iban. Mereka ini kebanyakannya mendiami kawasan pedalaman yang menyulitkan di mana kemudahan, dengan izin, infrastruktur jarang sekali didapati. Oleh sebab itu, hingga ke hari ini mereka ini masih belum lagi dapat menikmati hasil pembangunan seperti mana yang kita laung-laungkan selama ini, dalam erti yang sebenarnya. Saya merojok khasnya kepada masyarakat keturunan Dayak (Iban) di kawasan Rejang, Baleh dan Ketibas.

Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan khasnya Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah supaya memberi pertimbangan serius melaksanakan projek-projek pembangunan tanah di kawasan seperti Merit dan Lajan dengan tanaman

seperti koko, kelapa sawit dan jagung. Sehubungan dengan itu, biarlah saya memperingatkan kita tentang janji-janji kita kepada rakyat, melalui manifesto kita semasa Pilihanraya Umum yang lalu, bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan terus berusaha ke arah penghapusan kemiskinan di luar bandar melalui pelaksanaan Dasar Pembangunan Tanah. Janji kita itu hendaklah kita tepati.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat bumiputera yang mencebur diri dalam urusan perniagaan menghadapi pelbagai masalah dari semua sudut, dan kini bank-bank pula menekankan tekanan terhadap mereka yang tidak berkemampuan memenuhi syarat-syarat pinjaman yang telah dibuat. Arahan Bank Negara kepada bank-bank ini tidak berdiskriminasi dan oleh yang demikian, meletakkan para usahawan bumiputera dalam keadaan serba salah, dan sudah tentu secara langsung menjadi penghalang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Sudahpun masyarakat usahawan bumiputera kini tertekan dengan kesulitan dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang berlarutan. Dasar Bank Negara pada masa ini pula seolah-olah bertujuan sebagai pukulan terakhir dalam mematah semangat para usahawan ini. Akibat arahan dari Bank Negara ini (tidaklah dinafikan bahawa tujuannya memang baik, tetapi tidak bersesuaian dengan masanya) Bank-bank telah mengambil langkah-langkah keras ke atas masyarakat usahawan. Mereka ini bertindak demikian hanya kerana lebih mementingkan objektif jangka pendek dan tidak memberi pertimbangan terhadap kesannya dalam jangka masa panjang.

Di mana terdapat usaha-usaha perniagaan yang berpotensi mengatasi masalah yang sedang dihadapi, industri bank sepatutnya menghulur segala bantuan yang diperlukan. Kinilah masanya bagi Bank Negara membentuk garis panduan baru dalam

sekarang yang mana membolehkan bank bertolak unsur dalam urusan sedemikian.

Sebagai contohnya, bank-bank menghendaki para peminjamnya menyediakan jaminan tambahan terhadap pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi akibat dari kemerosotan pasaran harta. Pada pendapat saya, keadaan ini tidak sepatutnya dilakukan kerana ianya boleh meletak para peminjam ke takat di mana mereka terpaksa mengulungkan usaha perniagaan mereka. Dalam jangka masa panjang, dasar yang demikian boleh menjejaskan kepercayaan umum terhadap industri bank kita seterusnya akan menghalang pelabur-pelabur dari memasuki negara ini.

Salah satu dari sungutan ramai ialah kadar faedah yang agak tinggi dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman bank. Bank Negara seharusnya menilai semula keadaan ini ataupun mengeluarkan satu garis panduan dalam mana dasar kadar pinjaman, dengan izin, (base lending rate) menjadi tanggungjawab Bank Negara dan tidak diserahkan semata-mata kepada bank masing-masing. Di negara jiran kita, misalnya, kadar faedah pinjaman tidak melebihi 10% setahun. Di bawah keadaan pasaran yang mendesak, perbezaan kadar faedah ini, walaupun tidak banyak, boleh menjejaskan kewujudan mana-mana perniagaan di negara ini. Kenyataan ini mesti dan perlu kita terima.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengulung ucapan saya, berbanyak terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia, buat kali yang pertama serta membenarkan

mengenai beberapa isu semasa. Sekian, terima kasih.

5.35 ptg.

Tuan Abdul Mulok Mollee (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap buat kali pertamanya di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menyokong Usul Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di atas Titah Ucapan Kebawah Duli merasmikan Persidangan Dewan bagi Penggal Pertama Perlimen yang Ketujuh.

Selaku Ahli Bebas saya akan sentiasa memainkan peranan saya dengan berkesan dan akan bekerjasama dengan semua pihak tidak kira dari pihak Kerajaan, mahupun parti-parti pembangkang demi untuk memperjuangkan hak-hak asasi rakyat bukan sahaja di kawasan yang saya wakili, tetapi seluruh rakyat Malaysia.

Malaysia telah wujud lebih 20 tahun pada 31hb Ogos tiap-tiap tahun, kita merayakan Hari Kemerdekaan secara besar-besaran dan inilah satu-satunya hari yang bersejarah bagi kita di mana 13 buah negeri disatukan dalam Persekutuan Malaysia.

Walaupun usia negara kita masih muda, tetapi kita telah mencapai banyak kemajuan dalam bidang ekonomi, sosial, kebudayaan, pelajaran, kesihatan dan lain-lain lagi. Di peringkat antarabangsa kita dikenali sebagai sebuah negara yang kaya, aman dan makmur dan dasar luar negara kita telah dapat diterima di kebanyakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada hakikatnya kita sedikit sebanyak telah dapat menyatupadukan rakyat sebagai satu bangsa Malaysia, selaras

dengan amalan demokrasi berparlimen dan konsep masyarakat majmuk yang dilambangkan oleh anggota parti-parti komponen Barisan Nasional, namun terdapat juga bibit-bibit perkauman yang semakin menjadi di kalangan rakyat pada hari ini, yang mana saya rasa mengancam perpaduan kita dan juga integrasi nasional yang kita pupuk selama ini. Ada pihak-pihak tertentu telah pun berpandangan serong terhadap kejayaan dan pencapaian pihak-pihak yang lain serta mempunyai perasaan syak-wasangka di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain, terutama sekali di kalangan anggota-anggota dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Sebagai contoh isu Dasar Ekonomi Baru telah menjadi perdebatan hangat hari ini, telah banyak kita dengar tentang Dasar Ekonomi Baru serta pelaksanaannya dan kita merasa berpuas hati dengan penjelasan yang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal integrasi nasional yang kita usahakan melalui berbagai-bagai aktiviti baik di Semenanjung mahu pun di Sabah dan Sarawak belum lagi mencapai taraf kejayaan yang boleh kita banggakan. Masih banyak yang harus kita buat baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri. Kita rakyat Malaysia mesti sanggup dan bersedia memainkan peranan kita ke arah mencapai matlamat yang dituju. Kita haruslah menganggap diri kita sebagai satu bangsa Malaysia, bukannya rakyat Semenanjung atau rakyat Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Persekutuan dan Negeri haruslah melipatgandakan usaha ke arah ini dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan asas bagi membolehkan rakyat dari semua peringkat menjayakan proses integrasi nasional ini. Misalnya Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi layanan yang saksama kepada pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dari Sabah dan Sarawak

yang dikehendaki bertugas di Semenanjung sepertimana yang diberikan kepada rakan-rakan mereka dari Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak.

Saya difahamkan ramai pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak enggan menerima tawaran berkhidmat di Semenanjung kerana mereka tidak diberi kemudahan dan layanan yang memuaskan. Ini dengan sendirinya telah menjejaskan usaha Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat ke arah mencapai matlamat integrasi nasional.

Selain dari itu usaha juga hendaklah diadakan untuk mengurangkan wujudnya perasaan perkauman di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan keturunan ini. Sentimen perkauman sangat serius dan boleh melemahkan sebuah negara, apatah lagi sebuah negara yang sedang membangun seperti negara kita Malaysia. Oleh yang demikian, rakyat harus sedar akan hakikat ini. Kita sebagai rakyat Malaysia yang setia hendaklah menghormati hak-hak asasi dan kepercayaan kaum-kaum lain di Malaysia. Kita haruslah memberikan kerjasama dan sentiasa bertolak ansur demi keutuhan, kesejahteraan dan kemakmuran serta perpaduan di kalangan kita sebagai satu bangsa Malaysia yang bersatu.

Di Sabah dan Sarawak termasuk juga Wilayah Persekutuan Labuan sungguhpun terdapat rakyat yang berbilang kaum dan agama namun mereka sentiasa hidup dalam rukun dan damai, hormat menghormati antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membenci atau mahu bermusuhan dengan mana-mana parti politik, baik dari Semenanjung mahu pun dari Sabah dan Sarawak, tetapi dengan wujudnya beberapa buah parti politik yang berasal dari Semenanjung yang wujud di Wilayah Persekutuan Labuan pada hari ini telah menjadikan rakyat

Labuan, terutama sekali kaum bumiputera berpecah dari hidup rukun dan damai serta harmoni masyarakat bumiputera di Labuan sudah tidak menjadi rukun tidak damai dan tidak harmoni. Ini terbukti dalam Pilihanraya Parlimen baharu-baharu ini. Hari ini terdapat 7 buah parti politik di Labuan di mana 5 buah daripadanya adalah anggota Barisan Nasional. Soal yang sering kita dengar ialah apakah perlu yang Labuan yang hanya ada mempunyai kira-kira 12,000 pengundi berdaftar diwakili oleh 7 buah parti politik. Apakah perlu parti dari Semenanjung ini wujud di Labuan, khasnya anggota Barisan Nasional sedangkan USNO dan PBS kedua-duanya anggota Barisan Nasional masih mampu mewakili rakyat Labuan.

Sepertimana yang telah diperkatakan, kewujudan parti-parti dari Semenanjung di Labuan adalah bertujuan untuk mempercepatkan proses integrasi nasional tetapi apa yang jelas berlaku ialah integrasi nasional tidak wujud, sebaliknya yang berlaku di Labuan hari ini ialah parti-parti UMNO, MCA dan MIC berada di satu pihak manakala USNO dan PBS dianggap tidak wujud oleh parti-parti yang berakar umbi dari Semenanjung itu. PBS dan USNO sering diketepikan bila sahaja ada perjumpaan sempena lawatan Menteri-menteri Persekutuan atau apa sahaja urusan Kerajaan yang lain. Keadaan ini bertambah buruk lagi dengan adanya sikap sombong dan angkoh beberapa pemimpin UMNO Bahagian Labuan. Tindakan mereka ini telah sedikit sebanyak menjejaskan nama baik UMNO dan seterusnya sokongan rakyat terhadap UMNO di Labuan. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa usaha mempercepatkan proses integrasi nasional melalui penubuhan UMNO, MCA dan MIC di Labuan telah gagal mencapai matlamatnya. Saya juga merayu supaya Menteri-menteri Persekutuan membuat lawatan yang

lebih kerap ke Labuan untuk mengetahui lebih dekat dan lanjut lagi akan keadaan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat di Labuan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang Labuan, saya ingin memberi sedikit sebanyak pandangan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini tentang apa yang sebenarnya berlaku di Labuan hari ini. Dakwaan kononnya rakyat Labuan tidak menyokong Kerajaan Persekutuan adalah tidak benar tetapi sebaliknya rakyat memang marah dan tidak senang akan sikap Kerajaan Pusat terhadap untung nasib rakyat di Pulau Labuan selaras dengan janji-janji Kerajaan kepada rakyat. Rakyat di Labuan seperti juga rakyat di lain-lain daerah dahagakan pembangunan dan hauskan kemajuan. Waktu menandatangani pengisytiharan menjadikan Labuan Wilayah Persekutuan dahulu, Kerajaan telah berjanji akan memperuntukkan Labuan dengan peruntukan yang besar iaitu untuk menjadikan Labuan sebuah pulau pelancongan yang indah di rantau ini.

Peluang pekerjaan juga diperkatakan dengan lantang demi untuk memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang berkelayakan, tetapi hampir dua tahun setengah telah berlalu apa yang telah dijanjikan belum lagi menjadi kenyataan. Yang lebih menyedihkan ialah pengangguran telah bertambah buruk di Labuan. Perkara ini telah menjadi bertambah serius dengan adanya kakitangan dan pegawai-pegawai dari Semenanjung dan luar negeri menjawat jawatan di mana harus ditawarkan kepada anak-anak tempatan. Kita tidak marah jika jawatan tinggi dijawat oleh pegawai dari Semenanjung tetapi adalah tidak logik dan tidak adil jika jawatan seperti kerani, penyambut tetamu, operator telefon, pemandu dan buruh dijawat oleh mereka dari Semenanjung

sedangkan ramai anak-anak tempatan juga mempunyai kelayakan dan kebolehan cuma menggigit jari. Ramai terpaksa berhijrah ke tempat lain untuk mencari kerja. Selaras dengan tujuan asal penyerahan Pulau Labuan itu untuk menjadikan tempat pelancongan serta untuk mempercepatkan proses integrasi nasional, saya mencadangkan supaya Feri Malaysia juga membuat persinggahan di Pulau Labuan. Selain dari tujuan itu persinggahan Feri Malaysia sedikit sebanyak boleh membantu pertumbuhan ekonomi kepada penduduk di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan Persekutuan, khasnya Kementerian Wilayah Persekutuan supaya membuat satu ketetapan bahawa pegawai-pegawai dari Kuala Lumpur yang ditugaskan di Sabah dan Labuan hanyalah untuk sementara waktu sahaja dan mereka ini haruslah digantikan dengan anak-anak tempatan yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang diperlukan untuk menjawat jawatan yang dimaksudkan. Dari segi pengambilan pekerja dan kenaikan pangkat, saya berharap pihak Kerajaan akan bersikap adil dan saksama terhadap anak-anak tempatan dari Sabah dan Labuan. Saya ingin menekankan di sini bahawa Kerajaan harus bersikap sensitif terhadap kehendak dan aspirasi rakyat selaras dengan cogan kata Barisan Nasional, "Tradisi Membela Rakyat". Dalam membuat sesuatu keputusan atau mengambil apa jua tindakan, kita terlebih dahulu haruslah memikirkan implikasi yang mungkin akan timbul akibat tindak-tanduk kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, selaku Wakil Rakyat dari Labuan, saya ingin menyentuh serba-sedikit tentang perasaan dan pandangan rakyat berkenaan dengan isu penyerahan Labuan yang dijadikan Wilayah Persekutuan. Jika saya tidak

menyentuh hal ini, pendapat atau pandangan serta perasaan rakyat yang sebenar berkenaan dengan isu ini mungkin tidak dapat didengar dan diketahui oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan pada hari ini. Penyerahan Labuan walaupun setelah diluluskan melalui proses Dewan Undangan Negeri Sabah dan Dewan Rakyat tetapi sebilangan rakyat Sabah dan Labuan memang tidak senang atas penyerahan Labuan kerana mereka tidak diberi peluang untuk menyuarakan pendapat atau pandangan mereka, apatah lagi apabila mereka dipaksa untuk mempersetujui penyerahan itu. Seharusnya satu pungutan suara atau public referendum dilakukan terlebih dahulu untuk mendapatkan pandangan serta fikiran rakyat sama ada mereka bersetuju atau sebaliknya. Rakyat hari ini sudah bijak berfikir dan matang dalam membuat suatu keputusan sama ada suatu perkara itu baik atau tidak rakyat tidak boleh dipaksa. Jika perkara itu baik serta mendatangkan banyak faedah dan manfaat kepada rakyat tentu sahaja mereka akan menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengulangi isu-isu berkenaan penyerahan Labuan ini kerana kita telah pun mengikuti dengan panjang lebar dalam akhbar baharu-baharu ini. Apa yang sudah berlaku tetap berlaku tetapi apa yang penting yang terbentang luas di hadapan kita sekarang ialah kita harus mendapatkan satu penyelesaian yang aman di mana dapat diterima oleh semua pihak. Saya tidak bersetuju dengan dakwaan setengah-setengah pihak bahawa mengadakan satu referendum adalah satu isu yang sensitif atau anti Federal. Ini sengaja dikatakan oleh orang-orang tertentu untuk menyalakan api kemarahan di kalangan pemimpin-pemimpin kita dan juga ingin melihat perpecahan di kalangan rakyat demi untuk kepentingan mereka sendiri.

Kerajaan kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Kerajaan

ialah rakyat dan untuk rakyat. Oleh itu mengapa pula permintaan rakyat dianggap sensitif dan anti Federal. Bukankah tujuan dan matlamat Kerajaan kita adalah untuk membela rakyat selaras dengan cogan kata Tradisi Membela Rakyat. Kalau permintaan dan keluhan rakyat dianggap sensitif bermakna Kerajaan dan pemimpin kita tidak peka terhadap kemahuan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya menyeru kepada Kerajaan supaya menunaikan permintaan dan kehendak sebilangan besar rakyat Sabah dan Labuan supaya satu referendum diadakan. Mudah-mudahan satu penyelesaian akan dapat kita perolehi bukan sahaja untuk menyelesaikan perkara ini buat selama-lamanya supaya isu ini tidak akan timbul lagi atau dijadikan isu-isu politik oleh parti-parti yang ada pada hari ini. Bahkan kita juga mahu ianya diselesaikan secepat mungkin supaya kita dapat menumpukan sepenuh tenaga dan usaha kita untuk berjuang dan berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa selaku Ahli Bebas, saya sedia memberi kerjasama dan apa sahaja bentuk bantuan yang terdaya oleh saya demi untuk memperjuangkan untung nasib rakyat terutama sekali mereka yang saya wakili. Di samping itu saya juga ingin memohon kerjasama dari semua pihak demi untuk melicinkan dan memudahkan saya berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Saya berharap apa yang saya perkatakan dalam ucapan saya ini akan sedikit sebanyak memberi penerangan yang boleh diterima supaya kita bersama-sama berfikir sejenak dan mencari jalan untuk kita sama-sama berganding bahu memperjuangkan rakyat yang kita wakili. Saya berdoa kepada Allah s.w.t. moga-moga dengan Limpah dan

Kurnianya kita dapat menyumbangkan tenaga dan usaha kita ke arah pembangunan negara yang kita cintai ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.53 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Di Raja yang telah disampaikan di Dewan yang mulia ini pada pagi Selasa yang lalu. Sebagai orang pertama, kali pertama dan ucapan pertama, saya mula pada petang ini, saya harap sekiranya menyentuh sedikit sebanyak Kerajaan, saya harap akan dapat dimaafkan dan saya tidak akan bercakap lebih panjang, hanya setakat apa yang saya rasa perlu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Titah Ucapan Di Raja ini baik dari segi mukaddimahnyanya mahupun kandungan lain adalah ulangan dan sambungan dari Titah-titah yang pernah disampaikan di Dewan ini di masa-masa yang lalu. Ia menyebut tentang demokrasi berparlimen, mahukan satu perpaduan rakyat, mengekalkan komunis sebagai satu ancaman dan mimpikan sebuah negara dan masyarakat yang harmoni. Segalagalanya yang cuba disampaikan melalui kaca mata yang dibelunggu oleh pemikiran barat ataupun orang luar. Kali ini terdapat satu saranan yang agak berani, Kerajaan telah menyebut dalam perenggan 2 di muka surat 3 bahawa umat Islam hendaklah menguatkan akidah, bertakwa dan bersatu padu.

Ini adalah satu tamsangan yang wajar walaupun konsep bersatu padu diakhir ayat itu tidak dijelaskan tetapi mengikut konteks kalimah-kalimah

yang sebelumnya adalah wajar ia dibuat mengikutkan kemahuan Islam yang mesti berpandukan kepada kehendak Al-Quran, iaitu berpegang teguh kepada tali Allah dan jangan bercerai berai. Mana-mana perpaduan yang tidak berlandaskan kepada kehendak Al-Quran ini tidak mungkin melahirkan satu masyarakat yang berakidah dan bertakwa.

Walaupun saranan ini agak menonjol mungkin ia dibuat untuk menggambarkan Kerajaan kononnya benar-benar hendak menerapkan nilai-nilai Islam tetapi pada keseluruhannya Titah Di Raja ini masih mencerminkan satu kekaburan dan mengelirukan dari pandangan akidah itu sendiri. Di awal-awal Titah itu disarankan satu ketegasan yang berlawanan dengan kemahuan akidah dan ketakwaan iaitu amalan demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengupas benarkan sistem demokrasi menjadi satu anutan Kerajaan dan rakyat di negara ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang falsafah asal demokrasi itu sendiri. Demokrasi yang mulanya diperkenalkan oleh tamaddun purba Yunani itu telah meletakkan bahawa suara rakyat adalah suara Tuhan. Ini adalah mencerminkan akidah orang Yunani purba. Bila gejala tamaddun asing yang purba itu dijadikan pegangan hidup moden yang sudah Islam, walaupun sudah diberi banyak terjemahan dan diubahsuai tetapi sedikit sebanyak ia tetap berpaut kepada kehendak asal konsep itu iaitu suara rakyat adalah suara Tuhan. Akidah dan takwa dalam Islam tidak pernah menerima suara rakyat sebagai suara Tuhan. Sebaliknya suara Tuhan adalah suara Tuhan, suara rakyat bukan suara Tuhan.

Kebimbangan saya ialah kalau kita tidak teliti nanti kita akan terjebak sebagai seorang yang menganut peradapan Yunani purba sedang kita ialah seorang Islam. Jadi Islam itu sendiri adalah moden. Kalau kita terus

meneliti perkembangan sejarah demokrasi itu sendiri kita akan berjumpa dengan sejarah bagaimana ia menjadi pegangan gereja dan maharaja-maharaja dalam zaman apa yang dipanggil Empire Suci Rome atau Holy Roman Empire. Memang pada asalnya pemerintahan atau politik di Eropah purba tidak terpisah dengan gereja tetapi amalan rasuah, salah guna kuasa, pilih kasih, orang miskin menjadi hamba kepada para kapitalis, penyelewengan dari segi pentadbiran dan kefahaman agama, harta negara menjadi milik golongan politik, khazanah negara tidak dinikmati oleh rakyat. Rakyat dan negara menjadi papa dan sengsara, tetapi pemimpin kaya raya dan senang lenang. Segala bentuk penyelewengan itu mendapat perhatian dan tentangan dari gereja. Gereja menjadi tenaga penghalang kepada kerakusan orang politik bagi memastikan politik gila kuasa memerintah dikekalkan.

Maka orang politik menggunakan kekerasan, menggunakan kuasa rakyat yang bernama demokrasi untuk menyekat pengaruh golongan gereja. Agama dengan ini ditohmahkan tidak sesuai dengan politik, urusan politik cuma boleh dikendalikan oleh rakyat dan urusan agama sahaja diserahkan kepada gereja. Demokrasi tentunya tidak akan timbul kiranya orang gereja sedia bertoleransi dengan segala bentuk penyelewengan orang politik; demokrasi telah digunakan bukan untuk mewujudkan satu pemerintahan yang adil dan berguna tetapi untuk kepentingan dan kemerdekaan golongan pemerintah dari gangguan golongan gereja atau para pengkritik.

Sepanjang masa demokrasi adalah berfalsafahkan kekuasaan rakyat dan ia tidaklah pernah selari dengan kemahuan Islam yang ditegakkan atas kemahuan Tuhan yang satu baik demokrasi yang difahamkan oleh barat ataupun dipegang oleh golongan Marxist. Demokrasi tidak mungkin dapat disatukan dengan akidah dan

takwa. Kelemahan Titah Di Raja ini ialah terletak kepada konflik mahukan takwa dan demokrasi disekalikan. Seruan supaya umat Islam meninggikan akidah dan takwa hanya akan dilaksanakan sekiranya dua perkara diberikan perhatian.

Pertama, panduan orang Islam itu sendiri dan kedua ialah sistem yang itu terpakai dalam masyarakat itu mestilah ikut ditingkatkan akidah dan takwanya.

Pegangan hidup yang berpandukan kepada demokrasi berparlimen dan lain-lainnya tidak akan membantu seseorang untuk bertaqwa.

Tanda-tanda seseorang itu berada pada garis taqwa dapat dibuat berpandu kepada firman Allah subhanahu wa-ta'ala: Alif Lam Mim. Dzalikal Kitabu laraiba-fihi hudan lil-muttaqin. Maksudnya: Inilah Kitab, yakni Al-Quran yang tidak syak lagi adalah panduan bagi orang yang muttaqin (Surah Al-Baqarah, Ayat 1 dan 2).

Orang-orang yang bertaqwa mestilah menjadikan Al-Quran sebagai panduan dan mereka yang tidak berpandukan kepada Al-Quran bukanlah orang yang bertaqwa. Dalam konteks masyarakat dan negara, seseorang itu lebih mudah mencapai tingkat taqwa apabila dia sendiri hidup di bawah satu sistem beraqidah dan bertaqwa.

Mana-mana pihak yang menyeru ummah supaya bertaqwa tetapi meletakkan panduannya kepada peradaban Yunani purba atau perlembagaan ciptaan dan acuan barat adalah satu seruan dan dakwah yang palsu.

Tuan Yang di-Pertua, benarkah rakyat dan Kerajaan di negara ini telah bersebati dengan amalan demokrasi berparlimen? Adakah sebuah negara sudah mengamalkan demokrasi, tidak dapat diukur dengan adanya pilihanraya lima tahun sekali atau

adanya Parlimen yang bersidang dari semasa ke semasa, di samping adanya pilihanraya, adanya Parlimen, adanya pembangunan, suasana demokrasi dapat dirasakan wujud apabila tidak terdapat rasa takut dan bimbang di kalangan rakyat apabila mereka berhadapan dengan Kerajaan dan pemimpin Kerajaan.

Kedua, apabila rakyat merasakan Kerajaan perlu ditukar, mereka boleh mengusahakannya secara licin dan tenteram. Tetapi sekiranya rakyat bimbang akan biasiswanya ditarik balik kerana mengkritik Kerajaan, peluang dapat rancangan tanah pinggir hilang kerana menyertai parti Pembangkang, lesen akhbar akan ditarik kerana menyiarkan berita yang tidak disukai oleh pemimpin maka ini adalah tanda-tanda demokrasi mulai terpisah dari masyarakat.

Kemudian apabila Kerajaan tidak boleh dikalahkan melalui pilihanraya, ia juga adalah tanda demokrasi tak berapa wujud. Soal ramai juga bilangan orang suka dan memuji Kerajaan tidak dapat dijadikan ukuran tentang wujudnya demokrasi.

Di zaman purba, di zaman Mesir purba yang diperintah oleh Firaun juga terdapat orang-orang yang suka kepadanya di samping ada orang yang menentangnya. Adakah kerana ada orang suka dan memujanya suasana demokrasi wujud di Mesir di zaman Firaun? Di dalam pilihanraya di negara-negara blok Soviet terdapat keputusan yang merekodkan kemenangan 99.9% bagi parti yang memerintah dan parti yang memerintah itu sendiri mendakwa menjalankan demokrasi. Tetapi adakah ia diterima sebagai sudah mengamalkan demokrasi?

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan saya ialah laungan amalan demokrasi berparlimen itu adalah untuk menutup amalan diktator berparlimen yang berjalan sekarang. Pilihanraya lalu bukanlah satu pilihanraya yang

sebenarnya, tetapi tidak lebih dari satu gerakan Kerajaan membasuh otak rakyat supaya rakyat sentiasa tunduk kepada kehendak Kerajaan.

Apabila rakyat yakin akan kepincangan Kerajaan, maka Kerajaan segera memperbaharui gerakan membasuh otak rakyat. Hasilnya sudah terdapat kerusi Dewan Rakyat dari kawasan majoriti orang Melayu dimenangi oleh UMNO hampir 99.9%, manakala undi pos pula hampir 100% diberi kepada parti yang memerintah. Inilah tanda-tanda perkembangan yang tidak sihat dan juga tanda-tanda bahawa demokrasi berparlimen yang ada itu adalah sebenarnya "diktator berparlimen".

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, sebentar, dia minta penjelasan.

Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah demokrasi berparlimen itu begitu kotor, mengapakah PAS melibatkan diri dalam pilihanraya lalu? (*Tepuk*)

Tuan Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak perlu jawab kerana saya sedang memberi pendapat dan pandangan saya. Tanda-tanda demokrasi berparlimen sudah pudar di negara ini ialah ada pindaan Perlembagaan yang memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri untuk mengisytiharkan darurat yang menjadi kecoh beberapa tahun yang lalu. Wujudnya ketua parti yang memerintah yang juga menjadi Ketua Kerajaan di berbagai peringkat di negara ini menyebabkan penyokong-penyokong parti tidak berani bersuara.

Kemudian parlimen lebih bersifat satu dewan untuk meluluskan undang-undang apabila Kerajaan berhajat untuk membuat undang-undang baru,

Kerajaan memanggil sidang parlimen beberapa jam selepas rang undang-undang itu dikemukakan, undang-undang itu pun diluluskan.

Tidakkah perlembagaan yang ada itu tidak lebih daripada secebis kertas yang tidak memberi apa-apa maruah, apabila demokrasi yang kononnya hendak dipertahankan tidak lebih daripada satu seruan olok-olok dan akidah serta taqwa yang cuba dilanjutkan itu juga satu niat yang palsu? Maka kita tidak dapat mengharapkan Kerajaan yang ada ini mampu untuk membanteras rasuah yang mengikut pandangan umum antara yang terburuk di dunia? Tidak terdapat sepatah pun ungguan di dalam Titah Di Raja itu Kerajaan berazam untuk menghadapi persoalan rasuah. Kerajaan juga sudah tidak lagi berani menyebut niat untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih padahal itu adalah menjadi slogan yang paling digemari oleh Kerajaan selama lima tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan bahawa soal rasuah dan Kerajaan bersih tidak lagi menjadi tema dan slogan yang disebut setiap hari kerana Kerajaan sendiri tidak terdaya untuk menghadapi dan melaksanakannya.

Rasuah menjadi buah mulut orang ramai. Apakah perbualan masing-masing mempunyai asas atau sebaliknya, apa juga yang berlaku jelaslah bahawa imej Kerajaan adalah begitu buruk sepanjang yang berhubung dengan rasuah. Penjelasan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang meminta bukti dan tindakan tidak boleh diambil kerana tidak ada bukti tidak menyakinkan orang ramai, tidak banyak orang dibawa ke mahkamah kerana rasuah tidak mampu membersihkan imej yang ada pada Kerajaan dan para pemimpinnya. Kurangnya minat orang hendak

melabur dan lemahnya kedudukan ekonomi negara, antara lainnya adalah disebabkan kerana Kerajaan gagal untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih.

Keterangan bekas Menteri Dalam Negeri, Dato' Musa Hitam yang menyebut betapa Kerajaan bersih lagi amanah gagal dilaksanakan oleh Barisan di luar negeri Johor tambah menyakinkan bahawa Kerajaan yang ada bukanlah bersih tetapi "sapu bersih".

Walaupun Timbalan Perdana Menteri yang baru cuba menyerahkan kepada rakyat soal bersih atau tidaknya Kerajaan, amanah atau tidak mampu membersihkan imej buruk Kerajaan itu.

Keputusan pilihanraya umum yang memberi kemenangan besar kepada parti pemerintah, mungkin dikira sebagai penolakan rakyat terhadap tohmahan itu, tetapi rakyat yang sudah dijadikan seperti kambing kenyang oleh pemimpin-pemimpin, Kerajaan tidak dapat menjadi hakim yang tepat dalam perkara seperti ini.

Rakyat tidak dapat banyak maklumat kerana akhbar-akhbar sudah dikunci mulut dan tangannya, tidak lagi boleh mampu menyalahkan Kerajaan, antara mereka bila diberi tahu para menteri adalah rasuah, mereka akan membalas, "Mana pemimpin tidak rasuah, kalau awak jadi menteri pun awak juga rasuah"! Dan kalau diberitahu bahawa pemimpin mereka asyik berjoli, berpoya-poya, maka nanti mereka menjawab, "Memang perangai orang besar begitu!"

Inilah bentuk setengah rakyat yang dibentuk oleh Kerajaan melalui kegiatan KEMAS. Adakah ini satu kebanggaan kepada para pemimpin Kerajaan? Bagaimana kita dapat mengharapkan perkara rasuah dan sebagainya diserahkan kepada rakyat!

Tuan Yang di-Pertua, segala bentuk penyelewengan termasuk rasuah bukanlah suatu yang mudah untuk dikawal dan dibanteras tetapi ia bukan mustahil untuk dibanteras. Untuk membanteraskannya ia memerlukan pemimpin yang tegas dan bermaruah, berakhlak mulia, tinggi aqidahnya dan bertaqwa.

Sistem politik bebas dan menggalakkan amalan ekonomi bebas yang saling berlumba-lumba tetapi tidak bersandarkan kepada akhlak mulia seperti yang dikehendaki oleh Islam, mudah menjerumuskan pemimpin dan kepimpinannya kepada berbagai penyelewengan. Sogokan dan rasuah adalah perkara biasa yang dibenarkan. Rasuah dan penyelewengan menjadi satu kesalahan kalau ia diketahui orang atau tidak dapat dielakkan dari diketahui orang ramai dan Polis. Kalau kejahatan boleh disorokkan, ia seolah-olah tidak menjadi kesalahan. Inilah bahayanya berpolitik mengikut sistem sekular.

Tetapi sekiranya kita berpolitik secara Islam dan pemimpin pula terdiri dari seorang politik Islam ianya sentiasa takut akan balasan di hari akhirat. Baginya kalau pun ia dapat menyorokkan jenayahnya dari pengetahuan orang atau polis, ia tetap tidak dapat lari dari perhatian para malaikat kiriman-katibin. Tingkah lakunya mungkin terlepas dari gangguan di dunia, tetapi dia tidak terlepas dari ditanya di akhirat. Justru itu pejuang-pejuang Islam yang sentiasa mengira kegiatannya sebagai ahli ibadat tentu berusaha untuk menyelamatkan dirinya di dunia dan di akhirat. Persiapan seperti ini saya kira lebih mudah membanteras rasuah dan penyelewengan, daripada menyediakan hukuman yang keras dan sebagainya. Bagaimanapun tidak dinafikan bahawa undang-undang yang berkesan adalah diperlukan. Oleh kerana nilai moral ini tidak diambil berat oleh Kerajaan, maka parti

pemerintah tidak malu-malu lagi untuk mengemukakan orang-orang yang dipersoal kebersihannya untuk menjadi calon-calon dalam pilihanraya lalu. Ada orang yang didakwa di mahkamah dan ikat jamin yang paling tinggi di dunia boleh menjadi calon dan diterima menjadi anggota Dewan Rakyat. Demikian juga ada orang-orang yang diberi notis muflis ikut bertanding dan menang dan orang yang sudah jelas terlibat dalam skandal seks juga dibolehkan bertanding dan memimpin Kerajaan. Di mana letaknya kebersihan dan amanah itu?

Setakat inilah, Tuan Yang di-Pertua, sebagai kali pertama saya bangun dan mengambil bahagian berucap dalam Dewan ini dan saya harap sekiranya ada sepetah kata dua yang menyentuh perasaan orang tertentu, saya harap tidak akan menjadi satu kesalahan dan itu adalah tanggungjawab yang mesti saya sampaikan kepada Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, silakan.

6.13 ptg.

Tuan Tieu Sung Seng (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan yang sangat menyakinkan kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali yang pertama saya mengambil bahagian dalam perbahasan Parlimen. Oleh yang demikian, saya minta Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpengalaman supaya sudi memberikan saya nasihat dan tunjuk ajar supaya saya boleh menjalankan tugas saya dengan lebih teratur dan mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat.

Isu-isu atau perkara-perkara yang akan saya kemukakan termasuklah kritik-kritik terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Kritik-kritik ini adalah membina dan dimaksudkan baik untuk mendatangkan kebetulan-kebetulan supaya Kerajaan Barisan Nasional akan menjadi benar-benar berkesan, bersih, cekap dan amanah. Pada pendapat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat di kerusi belakang boleh memainkan peranan yang sangat penting dari segi membantu Kerajaan membuat polisi-polisi yang sesuai demi kepentingan keseluruhan rakyat dan menjalankan tugas-tugas pemerintahannya dengan cara keistimewaan dan tata susila Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah satu negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang kebudayaan. Untuk perpaduan rakyat, kestabilan, keharmonian, kemakmuran dan kedamaian yang kekal abadi, semua kaum mestilah menerima satu prinsip iaitu dasar hidup bersama dalam aman damai, bantu membantu, hormat menghormati di semua untuk faedah dan kebajikan bersama. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara ini telah pun mengakui dan mengamalkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan rasmi. Ekoran dari itu kita patutlah membentuk dan melahirkan satu kebudayaan Malaysia yang akan menjadi asas atau tapak untuk perpaduan seluruh rakyat. Ini tidaklah bererti hanya satu kebudayaan sahaja perlu dihidupkan dan yang lain-lain dimatikan, maka Malaysia mempunyai keistimewaan bukan sahaja dari sifat masyarakatnya yang berbilang bangsa tetapi juga kerana bangsa-bangsa ini mempunyai warisan kebudayaan yang kaya dan tinggi mutunya. Kelahiran kebudayaan Malaysia adalah satu proses natural yang memakan masa panjang dan ianya tidaklah boleh dipaksakan.

Dengan lain-lain perkataan, perbuatan-perbuatan, anjuran-anjuran atau kenyataan-kenyataan yang bertentangan wajiblah dielakkan oleh semua pihak kerana ia akan menimbulkan perasaan yang tidak menguntungkan sesiapa pun, bahkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu, kehendak-kehendak yang telah menjadi buah mulut orang ramai pada masa Pilihanraya yang baru lepas itu ingin saya suarakan untuk perhatian Kerajaan Barisan Nasional dan tindakan yang perlu.

Penduduk-penduduk Sibü ada beberapa keraguan terhadap projek Hydro Bakun yang dicadangkan itu. Kebanyakan mereka khuatir tentang keselamatan dam itu. Saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya menanggihkan pelaksanaannya kerana rakyat amnya belum bersedia menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, semasa krisis Sabah berlaku, keadaan dibiarkan melarat sehingga mengakibatkan beberapa pertunjukan perasaan, letupan bom dan kebakaran. Peristiwa sedih itu telah menyebabkan kehilangan beberapa nyawa manusia yang tidak berdosa serta membinasakan harta benda. Imej negara kita pun sedikit sebanyak dirosakkan dan mungkin kesannya telah menakut-nakut beberapa pelabur dan pelancong asing. Kerajaan Pusat dianggap oleh rakyat jelata bersifat terlalu lembut dan terlampau lambat mengambil tindakan yang perlu untuk memelihara undang-undang dan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah menjadi satu tajuk perselisihan faham pada masa Pilihanraya yang lepas itu. Ramai rakyat dari keturunan Tionghua tidak berpuas hati dengan penyelewengan-penyelewengan atau deviasi-deviasi yang diakibatkan oleh cara-cara implimentasinya. Mereka bukan tidak suka akan polisi itu, kerana ia telah

membantu orang-orang yang ketinggalan di bidang ekonomi, tetapi kerana deviasi-deviasi yang tersebut di atas telah menyebabkan beberapa ketidakadilan terhadap mereka dan juga membahagikan rakyat Malaysia ke dalam golongan Bumiputera dan golongan bukan bumiputera, iaitu polarisasi kaum.

Dasar Ekonomi Baru semestinya bertujuan membentuk semula satu masyarakat yang adil dan saksama tanpa membezakan kaum atau agama dan mementingkan perkembangan ekonomi negara kita untuk seluruh rakyat. Saya berharap sentimen-sentimen yang telah disuarakan itu akan dititikberatkan dan dipertimbangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk mengkaji semula DEB yang akan tamat pada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, projek Lapangan Terbang Baru Sibü telah ditanggihkan terlalu lama.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ingin minta penjelasan.

Tuan Tieu Sung Seng: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak benarkan?

Tuan Tieu Sung Seng: Tak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak beri. (*Ketawa*)

Tuan Tieu Sung Seng: Tuan Yang di-Pertua, projek Lapangan Terbang Baru Sibü telah ditanggihkan terlalu lama. Saya minta pembinaan projek ini dimulakan dengan secepat mungkin. Nampaknya Kerajaan Barisan Nasional tidak mempunyai apa-apa alasan lagi untuk menanggihkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya menjalankan satu penyiasatan dengan segera di Hospital Umum Sibü untuk

memperbaiki keadaan sekarang, iaitu kekurangan doktor, wad-wad yang penuh sesak dan masalah kepanasan yang dialami oleh semua pesakit. Di samping itu, saya berharap Kerajaan Barisan Nasional akan mempercepatkan pelaksanaan projek Hospital Baru Sibul yang telah menjadi impian orang ramai Sibul.

Sarawak masih ketinggalan dalam pembangunan infrastruktur, iaitu pembinaan jalan raya khasnya di kampung-kampung dan di luar bandar, pemasangan bekalan elektrik dan air dan lain-lain. Negeri Sarawak memerlukan lebih banyak peruntukan kewangan untuk menjalankan projek-projek pembangunan supaya perkembangan ekonomi Sarawak dapat dipercepatkan. Nampak memanglah patutnya Negeri Sarawak diberikan 20%, bukan 5% sahaja dari kutipan keuntungan minyak itu. Setahu saya Sarawak adalah satu negeri yang menghasilkan banyak minyak mentah yang telah menjadi salah satu sumber pendapatan Kerajaan Pusat yang terpenting.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kuota untuk kemasukan ke universiti tempatan mestilah dipertimbangkan semula supaya murid-murid yang mempunyai kelulusan terpuji dan amat baik atau kelayakan yang mencukupi tidak dilarang masuk ke pintu universiti. Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar dari warganegara-warganegara kita adalah bersikap anti Kerajaan kerana sistem kuota itu yang telah menghapuskan impian-impian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kerajaan Barisan Nasional mengambil tindakan yang konkrit mengikut aspirasi-aspirasi masyarakat kaum Tionghua membasmikan seksyen 21 (2), Akta Pelajaran 1961 atau sekurang-kurangnya memindanya supaya kaum Tionghua langsung tidak perlu lagi khuatir tentang kehilangan sekolah rendah jenis kebangsaan,

kerana ini adalah tidak bertentangan dengan matlamat utama Dasar Pelajaran Kebangsaan, iaitu mewujudkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kewangan untuk sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan adalah sangat tidak seimbang dengan peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan, baik untuk mendirikan bangunan baru mahupun untuk pembaharuan atau memperluaskan bangunan lama. Akibat ketidakseimbangan itu maka didapati banyak bangunan sekolah rendah jenis kebangsaan di dalam keadaan yang menyedihkan dan mengecewakan. Saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil tindakan yang perlu dengan secepat mungkin untuk memperbaiki keadaan itu yang tidak adil sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita mengerti bahawa keturunan Tionghua di Malaysia adalah susah benar untuk memasuki perkhidmatan umum Kerajaan. Kerajaan Pusat diminta memperbaiki dengan segera keadaan itu yang tidak adil supaya ratio penerimaan ke dalam sektor itu mencerminkan kebentukan suku bangsa Malaysia yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan pangkat bagi kakitangan perkhidmatan umum itu tidak patut didasarkan pada asal bangsa seseorang tetapi haruslah mengikuti kebiasaan, kelayakan dan kekanannya.

Tuan Yang di-Pertua, Polis, Pasukan Tentera, guru-guru, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sarawak dibayar beberapa elaun seperti elaun rumah, akan tetapi kawan-kawannya dari Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia tidak menerima layanan yang sama. Saya minta Kerajaan Pusat supaya membetulkannya dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kita hari ini hak-hak asasi wanita tidak dilindungi. Bila mereka terogol atau dibuang oleh suami mereka, maka mereka dan anak-anak mereka dibiarkan begitu sahaja dan tidak dapat apa-apa sokongan langsung dari sesiapa pun. Undang-undang perlulah dibuat untuk melindungi wanita-wanita dan anak-anak itu yang bernasib tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat diminta menambahkan program harian TV Tionghua supaya peminat-peminat yang tidak memahami Bahasa Malaysia boleh menikmati lebih banyak hiburan dan juga memahami polisi-polisi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penangguhan tindakan bagi permohonan-permohonan untuk kewarganegaraan adalah satu masalah yang serius dan mesti diberi perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri. Setahu saya banyak pemohon telah menunggu selama 12 tahun atau lebih, tetapi belum lagi menerima sebarang jawapan. Keadaan ini adalah sangat menghairankan dan sama sekali tidak cekap. Jikalau pemohon dapat memenuhi segala syarat yang ditetapkan, kelulusannya tidak patut ditangguhkan lagi, sebaliknya jika pemohon tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditentukan, jawapan negatif pun patut diberikan segera.

Tuan Yang di-Pertua, banyak aduan tentang kenaikan bil telefon secara tiba-tiba telah saya terima. Kenaikan itu adalah terlalu tinggi sehingga pengguna telefon tidak mampu membayar. Kementerian Telekom haruslah mewujudkan satu sistem yang sewajarnya untuk menyelesaikan segala aduan dan bukanlah memutuskan perkhidmatan telefon mereka serta mendakwa mereka di mahkamah. Tindakan keras ini hanya menjadikan mereka mangsa di bawah keadaan yang tidak bersistem.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat seharusnya menghargai perkhidmatan guru-guru sementara yang kebanyakan mereka telah berkhidmat lebih 5 tahun. Perakuan tentang perkhidmatan mereka mestilah diterima oleh Kerajaan Pusat dan persiapan dibuat dan beri latihan kepada mereka supaya berpeluang menjadi guru-guru terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu resolusi Persatuan Tionghua Bersatu Bahagian Ketiga, Sibu telah mencadangkan bahawa adalah perlu untuk Kerajaan Pusat membuat undang-undang untuk mengawal wang sewa rumah kedai yang biasanya dinaikkan dengan tidak terhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya menangguhkan pelaksanaan pemasangan meter teksi di Sibu kerana kemelesetan ekonomi dan kependekan jalanraya-jalanraya yang berada di Sibu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sokong dengan sepenuh-penuhnya pendirian Perdana Menteri kita terhadap dua penjenayah Australia yang telah digantung mati (*Tepuk*), kerana banyak anak-anak tempatan yang bersalah di bawah undang-undang yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran): Yang Berhormat, berapa minit lagi?

Tuan Tieu Sung Seng: Satu minit. Kerana banyak anak-anak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit tak boleh. Kita sudah cukup masa.

Tuan Tieu Sung Seng: Sudah cukup masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh sambunglah esok.

Tuan Tieu Sung Seng: Terima kasih. Minta satu minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat,
mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.